

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Perutusan Menteri	2
2	Perutusan Ketua Pengarah BHEUU	3
3	Senarai Agensi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen)	4
4	Pengurusan Tertinggi Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang)	5-8
5	Sejarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri	9
6	Maklumat Korporat BHEUU	10-12
7	Carta Organisasi BHEUU	13
8	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	14-26
9	Seksyen Pembangunan	27-33
10	Seksyen Pengurusan Sumber manusia	34-45
11	Seksyen Kewangan	46-49
12	Seksyen Pengurusan Maklumat	50-63
13	Unit Komunikasi Korporat	64-72
14	Puspanita Cawangan Kecil BHEUU	73-82
15	Jabatan Bantuan Guaman (JBG)	83-131
16	Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl)	132-179

PERUTUSAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DAN PARLIMEN)

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

Saya amat berbangga dengan kerjasama dan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua pihak terutamanya warga kerja Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dalam mencapai kejayaan demi kejayaan melalui aktiviti yang dilaksanakan.

Justeru, saya merakamkan penghargaan atas komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh warga BHEUU, JBG dan Mdl dalam menjayakan pelbagai program yang dapat diabadikan dalam Buku Laporan Tahunan ini. Semoga segala usaha dan komitmen kita selama menjalankan tugas yang diamanahkan mendapat keredaan Tuhan. Kita juga perlu meneruskan usaha mengamalkan nilai integriti agar sentiasa dapat mengharungi segala cabaran dengan jayanya.

Usaha-usaha bekerja dalam satu pasukan antara BHEUU, JBG dan Mdl wajar diteruskan agar mendapat penghasilan yang optimum dan manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat jelata. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif bersesuaian dengan tuntutan perubahan persekitaran kerja yang berlaku perlu diamalkan oleh seluruh warga kerja.

Semoga penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2019 ini dapat memberi gambaran jelas tentang BHEUU, JBG dan Mdl secara keseluruhannya. Semua warga BHEUU, JBG dan Mdl hendaklah berusaha bersama-sama mencapai kecemerlangan selari dengan hasrat Kerajaan bagi memenuhi kehendak semasa.

Selamat maju jaya, teruskan usaha-usaha baik untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.


(DATUK LIEW VUI KEONG)



**PERUTUSAN KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, kita telah sama-sama dapat menempuh cabaran sepanjang tahun 2019 dengan jayanya. Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2019 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan ini.

Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Laporan Tahunan ini juga sangat berguna bukan sahaja kepada *stakeholder*, tetapi ia juga boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat mengenai BHEUU, JBG dan Mdl. Satu usaha yang wajar dipuji, kerana segala pencapaian Jabatan melalui program dan aktiviti direkodkan secara sistematik untuk rujukan Jabatan pada masa hadapan.

Akhir kata, saya amat berharap prestasi cemerlang ini bukan sahaja dapat dikekalkan malah dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang. Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan Laporan Tahunan BHEUU 2019 dengan harapan ia dapat dijadikan penanda aras serta rujukan dan panduan dalam membuat perancangan pada tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.



(DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI)



**SENARAI AGENSI DI BAWAH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DAN PARLIMEN)**

1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
2. Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)
3. Jabatan Bantuan Guaman (JBG)
4. Lembaga Penasihat (LP)
5. Parlimen Malaysia – Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara
6. Bahagian Perlindungan (BP)
7. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP)
8. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)
9. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)
10. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
11. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
12. Pusat Timbangtara Antarabangsa Asia (AIAC)
13. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)

**PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DAN PARLIMEN)**



MENTERI
YB Datuk Liew Vui Keong



TIMBALAN MENTERI
YB Tuan Mohamed Hanipa Maidin



KETUA PENGARAH MDI
Dato' Anas bin Ahmad Zakie



KETUA PENGARAH BHEUU
Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi



KETUA PENGARAH JBG
Datuk Haini binti Hassan

PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU

KETUA PENGARAH BHEUU



Datuk Seri Jalil bin Marzuki
13 Ogos 2016 hingga 10 Mac 2019



Dato' Junaidah binti Kamarruddin
11 Mac 2019 hingga 21 Julai 2019



Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi
22 Julai 2019 hingga kini

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR DAN PEMBANGUNAN)



Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid
27 April 2015 hingga 7 Julai 2019



Dato' Rohaizi bin Bahari
8 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)



Encik Mohd Yusoff bin Aman
1 April 2016 hingga 3 Mac 2019



Encik Zahrollail bin Zainal
25 Mac 2019 hingga kini

PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN



Y.M. Tengku Adnin bin Tengku Adnan
1 April 2016 hingga 11 Ogos 2019



Puan Khalilasalwa binti Salleh
15 Ogos 2019 hingga kini

PENGARAH SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN



Dr. Punitha a/p Silivarajoo
6 September 2017 hingga kini

PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT



Puan Salmiah binti Ismail
11 Ogos 2014 hingga kini

**PENGARAH
PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA & PENTADBIRAN AM**



Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman
2 Februari 2017 hingga kini

**PENGARAH SEKSYEN
KEWANGAN**



Puan Nik Shahdira binti Shamsuddin
19 Februari 2018 hingga kini

KETUA KOMUNIKASI KORPORAT



Puan Samsiah binti Daud
1 Mei 2014 hingga 11 Mac 2019



Puan Siti Saleha binti Dahlan
25 Mac 2019 hingga kini

KETUA UNIT INTEGRITI



Siti Marni binti Marsin
25 Mei 2018 hingga kini

**KETUA UNIT
PENASIHAT UNDANG-UNDANG**



Nur Farhana binti Baharuddin
1 Mac 2017 hingga kini

SEJARAH

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

JABATAN PERDANA MENTERI

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, kluster bahagian ini adalah terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

PKPMP juga berpisah daripada pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003 berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (Mdl).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan kekeliruan masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urusan setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas Kementerian terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.

MAKLUMAT KORPORAT BHEUU

VISI

Peneraju terulung kepada kecekapan dan keberkesanan pentadbiran keadilan Negara

MISI

Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan dasar berkaitan perundangan

MOTO

“HAK DIHORMATI, KESTABILAN DIKECAPI”

PIAGAM PELANGGAN

Kami bertekad dan berjanji :

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh tiga hari bekerja daripada tarikh diterima.
2. Pemberitahuan kelulusan awal dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh semakan Pegawai Undang-Undang (PUU) lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258 diterima.
3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima.
4. Penyaluran Waran Peruntukan Pembangunan (DE) dibuat kepada agensi pelaksana dalam tempoh tiga hari bekerja daripada tarikh kelulusan peruntukan.
5. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehcapaian 99 peratus.


OBJEKTIF

1. Merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Menguatkuasakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
3. Mengoptimumkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah.
4. Memperkasa ketelusan tadbir urus kewangan dan ICT.
5. Memperkasa sumber manusia dan kecekapan pengurusan khidmat korporat.
6. Membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia yang lengkap dan komprehensif.
7. Menyelaras proses pengampunan bagi kes-kes rayuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan memantau status kes-kes pengampunan di negeri-negeri.
8. Menyelaras dan memantau penguatkuasaan akta-akta yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU.
9. Mengurusetiakan :
 - i. Pelantikan anggota Jawatankuasa Pemilihan dan anggota SUHAKAM serta menyelaras penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.
 - ii. Pelantikan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
 - iii. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL).
10. Mendaftar dan menguruskan penubuhan yayasan di seluruh negara.

FUNGSI

1. Urus Setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
2. Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri.
3. Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, JBG dan Mdl.
4. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah.
5. '*Focal Agency*' bagi pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).
6. Pelantikan anggota, Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan dan Penyelarasan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.
7. Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].
8. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL).
9. Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676].
10. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].
11. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749].

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)



SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN

FUNGSI

1. Mengurus dan menyelaraskan penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.
2. Mentadbir Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah.
3. Menjadi urus setia Lembaga Pengampunan bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.
4. Memantau Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap Negeri.
5. Menyelaraskan pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].
6. Menyediakan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).
7. Menjadi urus setia pelantikan anggota SUHAKAM, memantau dan menyelaraskan Laporan Tahunan SUHAKAM serta maklum balas.
8. Mengurus pelantikan penasihat bagi Mahkamah Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.
9. Menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang (JPUUM).

FUNGSI JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG (JPUUM)

1. Mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang di Malaysia.

LEMBAGA PENGAMPUNAN

1. **Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bilangan 1 Tahun 2019**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bilangan 1 Tahun 2019 telah diadakan pada 25 April 2019 di Perdana Ballroom, Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang. Secara keseluruhannya, mesyuarat berkala dua kali setahun ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri. Delegasi mesyuarat turut mengikuti lawatan ke Muzium Sungai Lembing, Pahang sejurus selepas mesyuarat berakhir.



YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin, Ketua Pengarah BHEUU, JPM bergambar bersama Ahli Mesyuarat Penyelaras Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bilangan 1 Tahun 2019

2. Mesyuarat Penyelaras Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bilangan 2 Tahun 2019

Mesyuarat Penyelaras Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bilangan 2 Tahun 2019 pula telah diadakan pada 24 Oktober 2019 di Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa, Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

URUSAN PEMERBADANAN AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

1. Senarai Yayasan Berdaftar

BHEUU merupakan pentadbir bagi Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 45 Pemerbadanan Pemegang Amanah telah didaftarkan menjadikan jumlah Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258 sebanyak 502. Daripada jumlah tersebut, jumlah Pemerbadanan Pemegang Amanah aktif adalah sebanyak 476.

2. Sesi pertemuan bersama Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258



Sesi pertemuan bersama Yayasan Pembangunan Ibu Tunggal (YBIT)



Sesi pertemuan bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

BHEUU turut mengadakan sesi pertemuan bersama Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258 bagi :

- i. Mengenali peranan dan fungsi pemerbadanan pemegang amanah yang berdaftar di bawah Akta 258.
- ii. Perkongsian maklumat berkenaan pengurusan Pemerbadanan Pemegang Amanah serta masalah yang dihadapi.
- iii. Satu platform kepada pihak Pemerbadanan Pemegang Amanah dan Bahagian ini bertukar pendapat dan pandangan dalam meningkatkan tadbir urus Pemerbadanan Pemegang Amanah yang baik dan teratur.

3. Sesi pertemuan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258

Berikut merupakan senarai sesi pertemuan BHEUU bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258 melibatkan yayasan-yayasan berikut :

- i. 11 April 2019 : *Malaysian Autism Foundation*
- ii. 22 April 2019 : Yayasan Ihtimam Malaysia
- iii. 23 April 2019 : Yayasan Pembangunan Ibu Tunggal
- iv. 24 Julai 2019 : Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

1. Bengkel Ke Arah Menambah Baik Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] Di Malaysia anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama pihak *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) telah diadakan pada 1 Ogos hingga 2 Ogos 2019 bertempat di Dewan A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen). Bengkel ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan, khidmat nasihat serta input-input lain mengenai undang-undang perlindungan pemberi maklumat di kalangan negara-negara maju dan membangun.
2. Objektif penganjuran bengkel adalah seperti berikut :
 - i. Untuk mendapatkan input-input terkini mengenai amalan terbaik dan perkembangan semasa mengenai model kerangka perundangan perlindungan pemberi maklumat yang dilaksanakan di negara-negara maju dan membangun serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kesatuan Eropah (*European Union* - EU) ke arah memperkasa undang-undang mengenai perlindungan pemberi maklumat.
 - ii. Untuk mengadakan sesi libat urus bersama pakar-pakar yang diundang daripada UNODC yang berpangkalan di Vienna, Austria bagi mendapatkan pandangan serta khidmat nasihat mengenai isu-isu dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan program perlindungan pemberi maklumat di negara ini.
 - iii. Untuk mendapatkan analisis mengenai kelemahan/kekurangan Akta 711 menurut perspektif UNODC serta cadangan langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan bagi menambah baik rangka perundangan akta ini.
3. Rumusan bengkel adalah seperti berikut :
 - i. Pindaan bagi tujuan untuk memperincikan/menjelaskan peruntukan seksyen-seksyen yang bersifat terlalu umum atau tidak jelas.
 - ii. Pindaan bagi mengisi jurang di antara Akta 711 dan Akta 696.
 - iii. Pindaan bagi tujuan menghadkan skop perlindungan terutama sekali mengenai perlindungan kepada individu yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat terhad kepada gangguan kepada pekerjaan yang sah.



Sesi bergambar YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Parlimen dan Undang-Undang) bersama jemputan



Perasmian oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen)



Sesi bergambar YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Parlimen dan Undang-Undang) bersama peserta bengkel



Sesi penutup oleh Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

PENYERTAAN BHEUU KE FORUM “RESPONSIBLE BUSINESS AND HUMAN RIGHTS” DI UNITED NATION CONFERENCE CENTER BANGKOK, THAILAND PADA 12 JUN HINGGA 13 JUN 2019

Penyertaan BHEUU Ke Forum “*Responsible Business and Human Rights*” di *United Nation Conference Center Bangkok, Thailand* merupakan satu langkah penting dan platform kepada pegawai Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) untuk mendalami isu-isu yang melibatkan bidang hak asasi manusia di dalam perniagaan. Pendedahan diperolehi ini juga membolehkan perancangan pembangunan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) dapat dibangunkan secara lebih sistematik dan teratur.

Ini susulan BHEUU telah diberikan mandat oleh Jemaah Menteri untuk merangka dan membangunkan NAPBHR. Oleh yang demikian, Seksyen Dasar dan Penyelidikan, BHEUU akan terlibat di dalam usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti penggubalan pelan

tindakan tersebut secara mendalam dan meliputi semua aspek-aspek yang dinyatakan di dalam *Strategic Framework on a National Action Plan on Business and Human Rights in Malaysia*.

Langkah positif Kerajaan ini adalah selaras dengan syor dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang telah membuat pemantauan terhadap isu-isu hak asasi manusia dan perniagaan sejak tahun 2011 lagi terutamanya dalam menangani aduan-aduan yang melibatkan pelanggaran pelbagai hak asasi manusia, diskriminasi berdasarkan jantina, eksploitasi pekerja asing, buruh paksa, hak-hak masyarakat pribumi dan hak-hak persekitaran di dalam sektor perniagaan.

Forum yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 12 Jun hingga 13 Jun 2019 ini telah menerima penyertaan yang amat menggalakan dari pelbagai negara dan BHEUU telah diwakili oleh dua orang pegawai dari Seksyen Dasar dan Penyelidikan. Forum ini merupakan platform utama bagi mendapatkan penjelasan dan maklumat berkaitan isu-isu perniagaan dan hak asasi manusia terutamanya yang berlaku di negara-negara Asia dan Pasifik.



Peserta Forum *Responsible Business and Human Rights* di *United Nation Conference Center* Bangkok, Thailand pada 12 Jun hingga 13 Jun 2019



Panel Forum *Responsible Business and Human Rights* di *United Nation Conference Center* Bangkok, Thailand pada 12 Jun hingga 13 Jun 2019



Poster Forum *Responsible Business And Human Rights* di *United Nation Conference Center* Bangkok, Thailand pada 12 Jun hingga 13 Jun 2019

NATIONAL HIGH LEVEL DIALOGUE (NHLD) ON BUSINESS AND HUMAN RIGHTS: “TOWARDS A MALAYSIA NATIONAL ACTION PLAN (NAP) ON BUSINESS AND HUMAN RIGHTS”

National High Level Dialogue (NHLD) on Business and Human Rights telah diadakan pada 24 Jun 2019 di Dewan Saksama, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Forum ini diadakan hasil kolaborasi antara BHEUU, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia SUHAKAM), *United Nation Development Programme* (UNDP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), *Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Right* (MCCHR), dan *Institute of Malaysian and International Studies* (IKMAS).

Objektif NHLD ini diadakan adalah untuk mengumpulkan bersama pemimpin-pemimpin negara, pembuat undang-undang, ahli akademik serta pihak-pihak berkepentingan dari beberapa negara untuk berkongsi pendapat berkaitan isu-isu yang timbul daripada pelanggaran hak asasi manusia terutamanya dari aspek perniagaan. Selain itu, NHLD ini juga diadakan untuk membincangkan secara terperinci berkaitan langkah-langkah serta tindakan yang boleh dan perlu diambil oleh Kerajaan setiap negara bagi menangani isu-isu serta permasalahan berkaitan dengan perniagaan dan hak asasi manusia.

Secara khususnya, NHLD ini lebih menfokuskan kepada perkongsian maklumat serta kepakaran daripada ahli akademik dan penggubal undang-undang dari beberapa negara selain mengadakan sesi libat urus dengan wakil-wakil daripada pelbagai negara bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan dengan perniagaan dan hak asasi manusia.



YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) bersama panel National High Level Dialogue (NHLD) on Business and Human Rights: "Towards a Malaysia National Action Plan (NAP) on Business and Human Rights"



Sidang media sempena National High Level Dialogue (NHLD) on Business and Human Rights: "Towards a Malaysia National Action Plan (NAP) on Business and Human Rights"



Mesyuarat Khas sebelum berlangsung National High Level Dialogue (NHLD) on Business and Human Rights: "Towards a Malaysia National Action Plan (NAP) on Business and Human Rights" yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, Ketua Pengarah BHEUU



Para Peserta National High Level Dialogue (NHLD) on Business and Human Rights: "Towards a Malaysia National Action Plan (NAP) on Business and Human Rights"

PENYERTAAN BHEUU KE 2019 UNITED NATIONS FORUM ON BUSINESS AND HUMAN RIGHTS DI GENEVA, SWITZERLAND PADA 25 SEPTEMBER – 27 NOVEMBER 2019

Forum Tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini telah mula dianjurkan dari tahun 2011, ia merupakan forum yang terbesar di dunia yang menghimpunkan lebih 2000 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Kerajaan, komuniti perniagaan, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pengamal undang-undang, media dan masyarakat sivil.

Forum ini di kendalikan oleh *The Working Group on Business and Human Rights* dan diurus setiakan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi mengenai Hak Asasi Manusia (OHCHR) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland. Forum pada kali ini telah diadakan pada 25 November hingga 27 November 2019 dengan memberi tumpuan kepada pihak kerajaan untuk mengukuhkan komitmen dalam melaksanakan peranan melindungi dan memperkasakan hak asasi manusia di negara masing-masing.

Sehingga tarikh forum ini diadakan, sebanyak 23 buah negara telah mempunyai Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Thailand merupakan negara Asia pertama yang melancarkan pelan tindakan pada 29 Oktober 2019.

Manakala Malaysia bersama beberapa negara Asia lain seperti Jepun, Pakistan dan Indonesia kini dalam proses untuk membangunkan pelan tindakan negara masing-masing.

Forum tahunan yang dianjurkan buat kali yang ke lapan ini turut dihadiri oleh delegasi Malaysia terdiri daripada beberapa pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang diterajui oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan juga Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Penyertaan ni juga disokong oleh Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di Geneva.

Selama tiga hari, para peserta diberi pilihan untuk menyertai pelbagai sesi perbincangan melibatkan 60 panelis daripada pelbagai latar belakang, bertujuan membincangkan pelbagai topik dan isu semasa berkaitan aktiviti perniagaan yang memberi impak kepada hak asasi manusia. Manakala panel-panel yang dijemput telah berkongsi pengalaman mereka termasuklah inisiatif yang telah diambil dalam mempromosikan tanggungjawab korporat terhadap hak asasi manusia.

Turut disentuh ialah *trend* dan cabaran dalam pelaksanaan *Guiding Principles* dan menggalakkan sesi dialog serta mewujudkan jalinan kerjasama antara peserta mengenai isu-isu yang berkaitan perniagaan dan hak asasi manusia. Turut dibincangkan ialah mengenai cabaran yang dihadapi oleh beberapa negara berhubung dengan hak kumpulan tertentu serta kaedah dalam mengenal pasti amalan terbaik (*good practices*).



YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU bergambar bersama peserta Malaysia yang lain di *United Nations Forum on Business and Human Rights* di Geneva, Switzerland pada 25 November – 27 November 2019



Sebahagian peserta yang menghadiri *United Nations Forum on Business and Human Rights* di Geneva, Switzerland pada 25 November – 27 November 2019



Peserta yang menghadiri *United Nations Forum on Business and Human Rights* di Geneva, Switzerland pada 25 November – 27 November 2019



YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU dan Encik Yusof Ali, Pegawai Seksyen Dasar dan Penyelidikan BHEUU menghadiri *United Nations Forum on Business and Human Rights* di Geneva, Switzerland pada 25 November – 27 November 2019

SESI PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) 2018 DI PARLIMEN

Perbahasan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2018 telah diadakan buat julung kali sejak penubuhan SUHAKAM di Parlimen pada 5 Disember 2019. Sesi perbahasan tersebut telah berlangsung selama tiga jam dan terdapat 12 Ahli Parlimen yang mengambil bahagian membahaskan pelbagai isu berkaitan hak-hak asasi manusia di Malaysia.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dengan kerjasama Kementerian, Jabatan, Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan telah menyelaraskan serta menyediakan maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh SUHAKAM dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2017 dan 2018 tersebut yang dibukukan sebagai Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2017 dan 2018.

Maklum balas tersebut telah diedarkan semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Sidang Parlimen Keempat Belas untuk memberi makluman dan penjelasan kepada Ahli Parlimen mengenai tindakan-tindakan penyelesaian dan usaha susulan yang diambil oleh Kementerian dan agensi Kerajaan dalam menangani isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) dalam ucapan penggulungannya telah menyatakan Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan secara terbuka dalam mendukung prinsip hak asasi manusia dan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan dasar pembaharuan bagi memastikan dasar-dasar Kerajaan adalah sentiasa relevan dengan keperluan rakyat dan standard antarabangsa.

Wakil BHEUU, SUHAKAM, Kementerian dan agensi Kerajaan telah menghadiri sesi perbahasan tersebut di Parlimen yang merupakan satu detik bersejarah dalam perkembangan hak asasi manusia.



Sesi bergambar pegawai BHEUU dan SUHAKAM bersama YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen)



Kulit hadapan dokumen Maklumbalas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2017 Dan 2018

FORUM HUMAN RIGHTS DAY 2019

Pada tanggal 10 Disember setiap tahun, Hari Hak Asasi Manusia disambut di seluruh dunia. Pada tahun ini, Malaysia menganjurkan satu forum bertajuk *StandUp4HumanRights* dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Kementerian Luar Negeri (KLN), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia.

Sambutan ini dirasmikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) bersama-sama Stefan Priesner, Penyelaras Residen PBB di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dan Tan Sri Othman Hashim, Pengerusi SUHAKAM. Sambutan ini menyaksikan kehadiran seramai lebih daripada 350 peserta yang terdiri dari pegawai Kerajaan, masyarakat sivil, kedutaan dan sektor swasta.

Forum hak asasi manusia ini terdiri daripada dua sesi iaitu perbincangan interaktif berkenaan pandangan terhadap hak asasi manusia di Malaysia yang memberikan fokus kepada belia dan diikuti dengan perbincangan tentang jangkaan masa hadapan berkenaan kesedaran progresif hak asasi manusia. Objektif utama forum ini adalah untuk mempromosikan kesedaran dan sokongan terhadap hak asasi manusia dan usaha-usaha pelbagai organisasi termasuk agensi Kerajaan yang menjalankan tugas dalam mempromosi hak asasi manusia. Ia juga menyasarkan untuk mempromosikan semangat kerjasama dan interaksi antara pelbagai pihak berkepentingan tetapi tidak terhad kepada Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO).

Ahli-ahli panel yang menghadiri forum ini terdiri daripada pakar-pakar hak asasi manusia yang berpengalaman serta dapat memberikan penjelasan dan pandangan yang holistik kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh peserta. Forum ini telah memberikan satu gambaran mengenai keadaan semasa di Malaysia mengenai hak asasi manusia dan cara-cara untuk mengatasi isu pelanggaran tersebut.



YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) bergambar bersama peserta Forum *Human Rights Day 2019*



Para peserta Forum *Human Rights Day 2019* yang berlangsung pada 10 Disember 2019 bertempat di Hotel Sheraton, Kuala Lumpur

SEKSYEN PEMBANGUNAN

FUNGSI

1. Merancang, mengawal dan menguruskan belanjawan pembangunan mahkamah.
2. Merancang keperluan kemudahan fizikal dan peralatan mahkamah.
3. Memantau dan menilai prestasi kemajuan pelaksanaan program dan projek pembangunan.
4. Bertindak sebagai pegawai penguasa bagi kerja-kerja menaiktaraf dan pembaikan bangunan mahkamah.

PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Pada tahun 2019, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah meneruskan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan mahkamah selaras dengan kelulusan yang diterima di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).

Berikut adalah senarai projek pembangunan mahkamah yang dilaksanakan oleh BHEUU bagi tahun 2019.

PROJEK MAHKAMAH DALAM PEMBINAAN

1. Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis

Pembangunan mahkamah baharu di Kangar, Perlis adalah bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang tidak lagi dapat menampung keperluan semasa. Tapak projek ini merupakan bekas tanah sawah seluas sembilan ekar yang terletak di Mukim Seriab, Kangar, Perlis.

Pembinaan mahkamah baharu Kangar, Perlis melibatkan pembinaan bangunan baharu tiga tingkat mengandungi lima bilik bicara iaitu satu Mahkamah Tinggi, dua Mahkamah Sesyen dan dua Mahkamah Majistret serta bilik-bilik sokongan untuk ruang pejabat.



Cadangan rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis sehingga Disember 2019

2 Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Mahkamah Ampang lama terdiri daripada tiga Mahkamah Sesyen dan tiga Mahkamah Majistret yang beroperasi dengan menyewa di bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Justeru, terdapat keperluan untuk pembinaan bangunan baharu bertempat di Bandar Ampang, Hulu Langat dengan keluasan tanah 2.558 ekar.

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu yang mengandungi sepuluh bilik bicara iaitu empat Mahkamah Sesyen dan enam Mahkamah Majistret.



Cadangan rekabentuk Mahkamah Baharu Ampang, Selangor



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor sehingga Disember 2019

PROJEK MAHKAMAH DALAM PERANCANGAN

Pada tahun 2019, terdapat dua projek mahkamah yang dirancang untuk dibina iaitu Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor dan Kompleks Mahkamah Baharu Ipoh, Perak.




Lawatan kerja YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) ke tapak projek Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru di Nusajaya, Johor pada 14 Februari 2019



Lawatan kerja YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) ke Mahkamah Johor Bahru pada 14 Februari 2019



Lawatan ke tapak cadangan projek di Bandar Meru Raya, Ipoh pada 4 September 2019



Lawatan Pegawai Seksyen Pembangunan, BHEUU ke Mahkamah Ipoh pada 4 September 2019

PROJEK SIAP SEPENUHNYA/DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan dibina di atas tanah seluas 6.73 ekar di Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu yang mengandungi 13 bilik bicara iaitu tiga Mahkamah Tinggi, lima Mahkamah Sesyen dan lima Mahkamah Majistret. Projek ini telah siap setahun lebih awal iaitu pada 15 Mei 2019 berbanding tarikh jangkaan siap projek iaitu pada 1 April 2020. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selama dua tahun dan akan tamat pada 14 Mei 2021.



Pandangan hadapan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan



Pandangan sisi Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan

MEKANISME PEMANTAUAN PROJEK

1. Lawatan Kerja

Sepanjang tahun 2019, Pengurusan Tertinggi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja secara konsisten ke tapak projek sebagai langkah pemantauan projek.



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Liew Vui Keong dan delegasi menaiki ETS bagi lawatan kerja ke Kompleks Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak pada 31 Januari 2019



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Liew Vui Keong meninjau kesan mendapan di bahagian luar Mahkamah Beaufort, Sabah semasa lawatan kerja pada 8 Februari 2019



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Liew Vui Keong bergambar bersama delegasi lawatan ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 20 Mac 2019



Majlis perasmian Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah pada 2 April 2019



Lawatan kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri bersama Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 3 Mei 2019



Lawatan kerja Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Liew Vui Keong ke Kompleks Mahkamah Shah Alam pada 24 Jun 2019



Sesi bergambar bagi Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan pada 23 Julai 2019



Lawatan pemantauan tapak oleh Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Dr. Rose Lena Lazemi ke tapak pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor pada 23 Ogos 2019



Lawatan Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Dr. Rose Lena Lazemi ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah pada 23 Oktober 2019



Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU, Dato' Rohaizi Bahari ke tapak pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis pada 5 November 2019

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan

Bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berjalan lancar dan mengikut perancangan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan mesyuarat seperti berikut.



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU Bilangan 8 Tahun 2019 bersama PKPMP dan JKR pada 19 Ogos 2019



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU Bilangan 11 Tahun 2019 bersama PKPMP dan JKR pada 20 November 2019

PROGRAM PEMURNIAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN FIZIKAL MAHKAMAH (GP MAHKAMAH)

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengambil inisiatif baharu dengan pengenalan Program Pemurnian Garis Panduan Pembangunan Fizikal Mahkamah Edisi 2 bagi memantapkan Garis Panduan Mahkamah sedia ada seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi dunia terkini seperti *Court Recording Transcription (CRT)*, *Queue Management System (QMS)* dan sebagainya. Garis Panduan Mahkamah Edisi 2 ini akan dijadikan sebagai sumber rujukan utama bagi perancangan dan pembinaan mahkamah pada masa hadapan.

Bagi tujuan tersebut, beberapa inisiatif telah dijalankan bagi pemantapan Garis Panduan Mahkamah ini. Antaranya ialah satu Kajian *Post Occupancy Evaluation (POE)* telah selesai dilaksanakan di Istana Kehakiman, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Kuantan, Mahkamah Besut, Mahkamah Klang, Mahkamah Petaling Jaya, Mahkamah Kajang dan Mahkamah Kota Bharu. Selain itu, pegawai-pegawai juga telah melawat bilik bicara di beberapa mahkamah untuk merasai senario sebenar di bilik bicara. Pemerhatian juga dibuat pada kekemasan ruang, kelengkapan yang diperlukan serta sesi temuramah bersama pengguna seharian mahkamah seperti hakim, peguam, kakitangan dan orang awam.

Pada tahun 2019, beberapa siri Bengkel Semakan Semula Jadual Penggunaan Ruang telah diadakan dengan melibatkan beberapa *stakeholder* seperti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, polis, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan banyak lagi agensi lain yang terlibat. Draf Garis Panduan Mahkamah ini dijangka akan dapat dimuktamadkan pada tahun 2020.

SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

FUNGSI

1. Merancang keperluan perjawatan berdasarkan kepada perancangan strategik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).
2. Merancang dan melaksanakan program, latihan, kursus dan bengkel serta memantau penyertaan pegawai-pegawai yang terlibat.
3. Menguruskan operasi personel berkaitan perkhidmatan dan perjawatan BHEUU, Mdl dan JBG.
4. Menguruskan pentadbiran am dan logistik.
5. Memastikan tatacara pengurusan aset dan stor mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.
6. Mentadbir pengurusan pusat sumber Jabatan.
7. Mengendalikan urusan penyewaan dan pelenggaraan bangunan pejabat.
8. Menerajui BHEUU ke arah pencapaian MS ISO 9001 : 2008.
9. Urusetia kepada :
 - i. Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan
 - ii. Mesyuarat Pengurusan
 - iii. Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
 - iv. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan
 - v. Majlis Bersama Jabatan
 - vi. Panel Pembangunan Sumber Manusia
 - vii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
 - viii. Mesyuarat Jawatankuasa Inovasi
 - ix. Mesyuarat Lembaga Tatatertib
 - x. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Audit Nilai

KEURUSETIAAN

Beberapa mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019 seperti berikut :

- i. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
- ii. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
- iii. Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
- iv. Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
- v. Ketua-Ketua Jabatan
- vi. Jawatankuasa Anti Rasuah
- vii. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- viii. Pengurusan
- ix. Lembaga Tatatertib
- x. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan
- xi. Mesyuarat Pematuhan Keselamatan Perlindungan;
- xii. Mesyuarat Bersama Polis Bantuan
- xiii. Mesyuarat Pemandu Jabatan
- xiv. Mesyuarat Pengurusan Kontrak Perkhidmatan BHEUU dan
- xv. Mesyuarat Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara Bangunan (JKR dan Kontraktor)



Ahli MBJ Sesi 2017 – 2019 bergambar kenangan bersama YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU selaku Pengerusi Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan BHEUU Bilangan 3 Tahun 2019 dan ahli-ahli pihak pengurusan pada 28 Ogos 2019 di Hotel Imperial Heritage, Melaka

KURSUS DAN LATIHAN

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi perkhidmatan awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua anggota perkhidmatan awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 “Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam” (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, kursus/latihan yang dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan 2018 yang telah dipersetujui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai BHEUU menghadiri sekurang-kurangnya tiga hari berkursus.

Jadual 1 : Senarai Program Ceramah Keutuhan dan Latihan BHEUU Tahun 2019

Bil.	Program	Tarikh
1	Kursus Perisian StarUML, Draw.IO dan Pencil.Evolus	12 Februari dan 27 Februari 2019
2	Kursus Tatacara Perolehan dan Penilaian Sebut Harga	21 Februari - 22 Februari 2019
3	Kursus Pengurusan Kewangan Tahun 2019	20 Mac-21 Mac 2019
4	Latihan Mengenai Cara-Cara Penyelenggaraan Buku Daftar Am (492, 492A dan 492B)	8 April 2019
5	Kursus Pengurusan Majlis dan Protokol	16 April-18 April 2019
6	Program Ceramah Keutuhan Bilangan 1 Tahun 2019 – <i>Interpretation of Routine Blood Result</i>	28 Mei 2019
7	Kursus Pemantapan <i>Slide</i> Pembentangan (Infografik)	22 Julai-23 Julai 2019
8	Program Ceramah Integriti – Gangguan Seksual di Tempat Kerja	31 Julai 2019
9	Bengkel Penyediaan Pelan Risiko Rasuah (CRM)	10 September-12 September 2019
10	Kursus Pengaturcaraan <i>Asp.Net 4.5 Mvc Web Applications</i> Menggunakan <i>Language Intergrated Query (Linq)</i>	24 September-26 September 2019
11	Kursus Penyeliaan dan Kursus Pemanduan Defensif	24 September-27 September 2019
12	Kursus Pengurusan Pelanggan dan Kaunter Tahun 2019	8 Oktober 2019
13	Kursus Asas Microsoft Office 2013 (Publisher, Word, Excel, Power Point)	12 November-14 November 2019
14	Bengkel Perancangan Strategik BHEUU	10 Disember-12 Disember 2019



Perbincangan semasa Bengkel Perancangan Strategik BHEUU yang diadakan pada 10 September-12 September 2019 di Dewan Saksama, BHEUU



Dr. Amran bin Hassan, penceramah jemputan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menyampaikan ceramah berkaitan Cara Menangani Gangguan Seksual di Tempat Kerja pada 31 Julai 2019 di Dewan Saksama, BHEUU

PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2019. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

- i. Submodul Rekod Peribadi : 100%
- ii. Submodul Profil Perkhidmatan : 100%
- iii. Submodul Perisytiharan Harta : 100%
- iv. Submodul Sasaran Kerja Tahunan (SKT) : 100%

STATISTIK SUMBER MANUSIA

1. Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

Jadual 2 : Statistik Sumber Manusia

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2	Pengurusan dan Profesional	55	45	10
3	Kumpulan Pelaksana (29-40)	37	34	3
4	Kumpulan Pelaksana (19-26)	69	68	1
5	Kumpulan Pelaksana (1-14)	30	28	2
JUMLAH		193	177	16

2. Unit Sumber Manusia juga bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah urusan yang diproses adalah seperti berikut :

Jadual 3 : Jumlah Urusan Berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun Yang Telah Diuruskan Oleh Unit Sumber Manusia

Jenis Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun	Bilangan
Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)	5
Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor	1
Elaun Perumahan Wilayah	1
Bayaran Insentif Wilayah	1
Bayaran Insentif (Jawatan Kritikal)	2
Bayaran Insentif JUSA	2
Tambang Mengunjungi Wilayah Asal	96
Pindah Rumah	19
Tanggung Kerja	257
Perubatan	2
Cuti Kuarantin	23
Cuti Menjaga Anak	14
Cuti Tanpa Gaji	13
Cuti Separuh Gaji	14
Hadiah Latihan Persekutuan	4

PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl), PENGURUSAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN RUANG PEJABAT BHEUU DAN CAWANGAN-CAWANGAN Mdl DAN PERKHIDMATAN KONTRAK DI BHEUU

1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah menguruskan sebanyak 32 kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor iaitu 16 kontrak ruang pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), 13 kontrak ruang pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan tiga kontrak ruang stor Mdl mengikut tempoh yang ditetapkan.
2. BHEUU juga bertanggungjawab menguruskan sebanyak 15 kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian ruang pejabat di cawangan-cawangan Mdl.
3. BHEUU turut menyelaras dan memantau kontrak bagi perkhidmatan serta menguruskan urusan berikut :
 - i. Perkhidmatan sewaan mesin fotostat.
 - ii. Perkhidmatan.
 - iii. Perkhidmatan sewaan penapis *air Cukoo*.
 - iv. Penyewaan dan penyelenggaraan pokok bunga hidup hiasan berpasu di bangunan BHEUU.
 - v. Penyewaan dan penyelenggaraan mesin fotostat.
 - vi. Sewaan bagi menempatkan struktur pemancar mudah alih di bangunan BHEUU, Lot 3G1, Presint 3, Putrajaya.
 - vii. Bekalan akhbar tempatan sebagaimana diperuntukkan untuk pegawai-pegawai kanan dan *pool* di seksyen/unit BHEUU serta menguruskan pembayaran.
 - viii. Pengeposan surat-surat pos biasa dan pos berdaftar serta urusan pembelian setem dan pos berdaftar.
 - ix. Perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan BHEUU.
 - x. Perkhidmatan dan penyelenggaraan bangunan BHEUU oleh pihak kontraktor BSSB.
 - xi. Perkhidmatan pembekalan katering bagi mesyuarat dan majlis Jabatan.
 - xii. Penyelenggaraan kenderaan Jabatan mengikut jadual.
 - xiii. Tempahan penggunaan kenderaan Jabatan dalaman dan juga daripada agensi lain.
 - xiv. Penyediaan logistik kerusi, meja, makanan dan lain-lain bagi acara/majlis Jabatan sama ada di dalam atau luar BHEUU.
 - xv. Penyertaan kakitangan di dalam perarakan Maulidur Rasul dan lain-lain majlis jemputan.
 - xvi. Menguruskan tempahan Dewan Saksama dan bilik mesyuarat bagi kegunaan BHEUU dan juga tempahan dari luar.
 - xvii. Pemantauan dan kawalan keselamatan bangunan BHEUU 24 jam oleh Polis Bantuan.

PROGRAM INOVASI

1. Pengiktirafan berkaitan pengurusan kualiti dan inovasi

i. Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2019

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2019 diadakan pada 31 Oktober 2019 di Movenpick Hotel and Convention Centre, Sepang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2019 bertemakan "Membudaya Inovasi, Mendaya Produktiviti".

2. Laporan pembudayaan kreativiti dan inovasi

i. Pengauditan EKSA oleh MAMPU


Pemeriksaan Jawatankuasa Audit Dalam EKSA Bil. 1 Tahun 2019 telah diadakan pada 2 Mei hingga 3 Mei 2019 dan Bil. 2 Tahun 2019 telah diadakan pada 8 Ogos hingga 9 Ogos 2019.

ii. Mengemukakan Laporan EKSA bagi tujuan pemantauan dan rekod MAMPU

Laporan kepada MAMPU telah dikemukakan pada 26 Ogos 2019. Laporan ini merupakan audit sendiri oleh BHEUU yang perlu dikemukakan kepada MAMPU selepas dianugerahkan Sijil EKSA oleh MAMPU.

HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA

1. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan sebanyak empat kali bagi tahun 2019. Sebanyak 10 usul dan satu memorandum telah dikemukakan untuk perhatian dan tindakan pihak majikan.
2. Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2019 telah diadakan pada 28 Ogos 2019 di Hotel Imperial Heritage, Melaka. Ahli MBJ bersama pihak pengurusan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) turut dibawa melawat Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka. Wakil Pekerja juga berpeluang untuk beramah mesra dengan pihak pengurusan tertinggi Jabatan di dalam Majlis Makan Malam Bersama Pengurusan Tertinggi BHEUU, Mdl dan JBG.



Lawatan Ahli Mesyuarat MBJ ke UPEN, Melaka pada 28 Ogos 2019

PUSAT SUMBER

Sepanjang tahun 2019, Pusat Sumber Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan beberapa program/aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca serta mewujudkan budaya cintakan ilmu dalam kalangan warga BHEUU, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Program yang diadakan adalah seperti berikut :

1. *Library 2U*

Aktiviti ini telah diadakan sebanyak enam kali sepanjang tahun 2019. *Library 2U* ini berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh staf perpustakaan ke meja warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke perpustakaan.



Program *Library 2U* di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia



Program *Library 2U* di Seksyen Dasar dan Penyelidikan

2. Anugerah Peminjam Buku Terbanyak

Anugerah Peminjam Buku Terbanyak ini diadakan dua kali setahun bagi memberi penghargaan kepada pengguna Pusat Sumber Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) yang aktif meminjam dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Pemberian seumpama ini diharap dapat menjadi dorongan dan motivasi kepada warga BHEUU, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang lain untuk terus mengunjungi Pusat Sumber. Pemberian ini diharap bukan sahaja dapat memupuk minat dan amalan membaca malah secara langsung menggalakkan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat.

3. Bengkel melukis dan mewarna bersama Uneh Raja Pensel Warna

Bengkel ini telah diadakan pada 26 Mac 2019 sempena cuti persekolahan penggal pertama. Seramai 100 orang peserta terdiri daripada kanak-kanak dan warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Penganjuran program ini diadakan secara usahasama bersama Kelab Sukan dan Kebajikan BHEUU melalui perkongsian kos perbelanjaan dan penganjuran program.



Para peserta bengkel bergambar kenang-kenangan bersama UNEH Raja Pensel Warna

4. Lawatan kerja ke Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM)

Satu lawatan kerja ke Sasana Kijang Bank Negara Malaysia telah diadakan pada 6 November 2019. Seramai 40 orang peserta terdiri dari warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah turut serta dalam lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah seperti berikut :

- i. Mengadakan lawatan kerja bagi mendapatkan pengalaman Bank Negara Malaysia di dalam membangunkan Pusat Kecemerlangan Ilmu Pengetahuan dan Pembelajaran.
- ii. Memberi pendedahan pengalaman dan pengetahuan kepada semua ahli yang mengikuti lawatan untuk mengenali dan mempelajari tentang kepentingan ekonomi, perbankan Islam dan perancangan kewangan. Galeri Seni mempamerkan koleksi-koleksi seni Bank Negara Malaysia dari bumi Asia Tenggara dan Malaysia yang diperolehi sejak tahun 1962.



Peserta lawatan bergambar bersama wakil Sasana Kijang Bank Negara Malaysia

5. Kuiz Celik Sejarah BHEUU

Sempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke 62 tahun, Unit Pusat Sumber Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan kuiz secara atas talian yang telah diadakan selama empat hari bermula 10 hingga 13 September 2019 dengan tema Celik Sejarah BHEUU.

Seramai 136 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang terdiri daripada kakitangan warga BHEUU, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Pemenang adalah seperti berikut :

Tempat Pertama	:	Puan Juliza binti Julin dari JBG
Tempat Kedua	:	Encik Mohd Fariz bin Ab.Rashid dari BHEUU
Tempat Ketiga	:	Puan Siti Noor Harlina binti Ab Malek dari Mdl
Tempat Keempat	:	Encik Mohammad Khairil bin Walijan dari BHEUU
Tempat Kelima	:	Puan Shalina binti Ibrahim dari Mdl



Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang semasa Pehimpunan Bulanan BHEUU

6. Jom Movie@Pusat Sumber

Setiap kali cuti penggal persekolahan, Pusat Sumber Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan *program Jom Movie@Pusat Sumber*. Sebanyak enam kali program ini dilaksanakan sepanjang tahun 2019 sempena cuti persekolahan. *Jom Movie@Pusat Sumber* ini terbuka kepada semua anak-anak warga BHEUU, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Diakhir setiap tayangan filem, sebanyak 12 soalan dikemukakan bagi menguji kefahaman anak-anak terhadap filem yang ditayangkan.



Kanak-kanak yang menyertai program *Jom Movie@Pusat Sumber* di Pusat Sumber BHEUU

SEKSYEN KEWANGAN

FUNGSI

1. Menyediakan anggaran Belanjawan Tahunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).
2. Mengagih dan memantau peruntukan yang telah diluluskan mengikut keperluan BHEUU, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

3. Menguruskan pembayaran emolumen, bil-bil dan tuntutan pelbagai yang lain.
4. Menyelenggara dan mengemaskini rekod kewangan, Akaun Amanah dan Hasil mengikut peraturan-peraturan sedia ada.
5. Memproses permohonan pembiayaan kenderaan, komputer, pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai.
6. Mengurus perolehan perkhidmatan/bekalan/kerja-kerja di BHEUU.
7. Mengurus Panjar Wang Runcit.
8. Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun.

MAKLUMAT KEWANGAN 2019

Peruntukan Mengurus Tahun 2019 yang diluluskan untuk aktiviti di bawah program Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) berjumlah **RM20,406,800.00**. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2019 ialah sebanyak **RM19,938,213.63 (97.7%)** tidak termasuk perbelanjaan di bawah AP58(a).

Jadual 4 : Perincian perbelanjaan BHEUU berakhir pada 31 Disember 2019


Objek Sebagai	Jenis Perbelanjaan	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
11000	Gaji dan Upah	7,593,450.00	7,738,777.36	101.91
12000	Elaun Tetap	2,046,240.00	2,072,385.67	101.28
13000	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	45,900.00	78,200.80	170.37
14000	Elaun Lebih Masa	170,000.00	168,412.53	99.07
15000	Faedah Kewangan Yang Lain	219,160.00	220,008.79	100.39
17000	Bayaran Imbuhan Tahunan	79,250.00	170,250.00	214.83
10000	EMOLUMEN	10,154,000.00	10,448,035.15	102.90
21000	Perjalanan dan sara hidup	605,300.00	563,939.90	93.17
22000	Pengangkutan barang-barang	21,185.00	21,185.00	100.00
23000	Perhubungan dan utiliti	3,428,000.00	3,426,954.15	99.97
24000	Sewaan	507,200.00	493,078.77	97.22
25000	Bahan makanan dan minuman	2,740.00	2,724.00	99.42
26000	Bekalan bahan mentah	46,000.00	42,434.51	92.25
27000	Bekalan dan bahan lain	203,855.00	204,299.30	100.22

28000	Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	4,913,000.00	4,314,524.42	87.82
29000	Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain.	518,500.00	414,018.43	79.85
20000	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	10,245,780.00	9,483,158.48	92.56
42000	Pemberian Dalam Negeri	7,020.00	7,020.00	100.00
40000	PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	7,020.00	7,020.00	100.00
	JUMLAH	20,406,800.00	19,938,213.63	97.70

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BHEUU TAHUN 2019

Berdasarkan Jadual 4, terdapat perbelanjaan melebihi peruntukan bagi OS10000 disebabkan oleh pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 yang tidak dirancang dan pertambahan bayaran bagi sumbangan berkanun. Manakala untuk peruntukan OS20000 dan OS40000, perbelanjaan tidak melebihi peruntukan tahun semasa.

Rajah 1 : Peruntukan dan Perbelanjaan BHEUU Tahun 2019




PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN (PEMBANGUNAN)

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2019 adalah berjumlah RM66,000,000.00. Jumlah perbelanjaan sebenar ialah RM54,120,699.36 berbanding peruntukan dipinda RM76,726,611.60. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Perincian Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan

Kod	Projek	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)
09000	Bangunan mahkamah	35,500,000.00	35,500,000.00	34,187,549.76
09400	Sistem e-Kehakiman	30,500,000.00	21,293,462.00	0.00
00125	Sewaan bangunan BHEUU	0.00	19,933,149.00	19,933,149.60
	JUMLAH	66,000,000.00	76,726,611.60	54,120,699.36

Rajah 2 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019



Berdasarkan Rajah 2, tiada sebarang perbelanjaan direkodkan bagi peruntukan Sistem e-Kehakiman kerana projek ini telah ditangguhkan pada tahun 2019. Perbelanjaan bagi pembangunan fizikal bangunan mahkamah adalah tidak melebihi peruntukan yang diluluskan manakala perbelanjaan bagi sewaan bangunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah digunakan secara optimum kerana tiada sebarang baki peruntukan bagi butiran tersebut.

PENGURUSAN BIL

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) juga telah berjaya memproses sebanyak 1,596 bil berjumlah RM7,405,004.41 yang diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di BHEUU berada di tahap yang baik serta mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

FUNGSI

1. Merancang, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem aplikasi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).
2. Mengawal selia dan menyelaraskan pelaksanaan sistem aplikasi BHEUU, Mdl dan JBG.
3. Memastikan operasi harian peralatan sistem komputer dan rangkaian berfungsi dengan baik dan diselenggara dengan sempurna.
4. Memastikan tahap keselamatan data dan maklumat Kerajaan sentiasa terjamin dan terpelihara.
5. Memberi khidmat sokongan teknikal kepada BHEUU, Mdl dan JBG.
6. Merancang dan melaksana latihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kakitangan BHEUU, Mdl dan JBG.
7. Melaksana naziran dan inspektorat peralatan sistem komputer di BHEUU, Mdl dan JBG.
8. Merangka, menyediakan dan melaksana Pelan Induk Strategik ICT BHEUU, Mdl dan JBG.
9. Merancang, mengawal dan menguruskan belanjawan pembangunan ICT BHEUU, Mdl, JBG dan Mahkamah.
10. Urus setia tadbir urus ICT BHEUU, Mdl dan JBG.

PORTAL RASMI BHEUU

Portal rasmi adalah media perantaraan kepada semua pelanggan dalam memahami objektif, fungsi dan peranan BHEUU. Portal Rasmi BHEUU telah ditambah baik dengan maklumat bercirikan infografik dan aktiviti yang memaparkan informasi terkini di Pejabat Menteri dan BHEUU.



Muka hadapan Laman Web Rasmi BHEUU yang telah ditambah baik

PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI GENERIK

Sistem aplikasi generik dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan operasi harian di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seperti:

- i. Sistem Urusan Parlimen
- ii. Sistem Tanggung Kerja
- iii. Sistem Log Latihan
- iv. Sistem Direktori Pegawai
- v. Sistem Tempahan Kenderaan
- vi. Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS)


Pembangunan dan pelaksanaan sistem ini adalah tindakan responsif terhadap Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 yang memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus agensi.

Sistem Urusan Parlimen yang dibangunkan oleh Seksyen Pengurusan Maklumat (SPM), BHEUU turut digunakan secara perkongsian pintar oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) manakala Sistem eTravel digunakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.



Muka hadapan Sistem e-Penanggung Kerja BHEUU

Muka hadapan Sistem Log Latihan BHEUU



Muka hadapan Sistem Urusan Parlimen BHEUU


PELAKSANAAN *DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS) VERSI 2.0* DI BHEUU

Digital Document Management System (DDMS) menyediakan perkhidmatan pengurusan rekod mengikut kitaran hayat rekod Kerajaan bermula dari pewujudan, penyimpanan, penyenggaraan dan pelupusan rekod secara elektronik.

Selaras dengan hasrat Kerajaan supaya pengurusan rekod Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan tersedia dan efisien, sistem pengurusan rekod elektronik ini dilaksanakan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) pada Februari 2019. Pelaksanaan DDMS 2.0 di BHEUU adalah kolaborasi antara MAMPU, Jabatan Arkib Negara dan BHEUU sebagai agensi pelaksana.



Muka hadapan *Digital Document Management System (DDMS)* Versi 2.0



Sesi konfigurasi dan latihan penggunaan DDMS 2.0 di SPM BHEUU

LIBAT URUS DAN PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SISTEM INSOLVENSİ BERSEPADU (INSIST)

Sesi libat urus dan pemakluman pelaksanaan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) kepada pengurusan tertinggi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) diadakan pada 14 Jun 2019. Melalui sesi libat urus ini, pengurusan tertinggi di BHEUU dan Mdl telah mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pelaksanaan, peningkatan dan perluasan INSIST di Mdl serta hala tuju pembangunan INSIST 2.0.



Sesi pemakluman pelaksanaan INSIST, 14 Jun 2019, Bilik Mesyuarat Perdana Aras 10, BHEUU

BENGKEL KAJIAN KEPERLUAN PENGGUNA SISTEM BANTUAN GUAMAN (iGUAMAN)

Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman diadakan pada 11 Mac hingga 14 Mac 2019 melibatkan pasukan projek iGuaman Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), *Subject Matter Expert* (SME) Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dari Ibu Pejabat JBG, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Tujuan bengkel ini ialah:

- i. Mengenalpasti dan menyenaraikan keperluan pengguna bagi pembangunan semula sistem SPK-JBG.
- ii. Mendapatkan input pengguna bagi penyediaan dokumen *System Design Specification (SDS)* yang meliputi reka bentuk sistem dan pangkalan data, *system specification*, *data mapping*, *user interface*, *use case scenario*, *technical architecture* dan plan bagi *data migration*.
- iii. Menyediakan dokumen kajian keperluan pengguna dan spesifikasi keperluan sistem bagi tender perolehan pembangunan semula sistem SPK-JBG yang dirancang pada tahun 2020.



Sebahagian peserta Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman pada 11 Mac hingga 14 Mac 2019 di Dewan Saksama, BHEUU



Perbincangan peserta Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman sebelum membuat pembentangan



Salah seorang peserta Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman memberi pendapat



Pembentangan kumpulan dalam Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman

BENGKEL SEMAKAN DAN PENGESAHAN KAJIAN KEPERLUAN PENGGUNA SISTEM BANTUAN GUAMAN (iGUAMAN)

Bengkel Semakan dan Pengesahan Kajian Keperluan Pengguna Sistem iGuaman diadakan pada 3 September hingga 6 September 2019 melibatkan pasukan projek iGuaman Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), *Subject Matter Expert* (SME) Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dari Ibu Pejabat JBG, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Semakan dan pengesahan bengkel ini

turut dibantu oleh perunding teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dari MAMPU. Tujuan bengkel ini diadakan ialah:

- i. Menyemak dokumen Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) bagi pembangunan Sistem iGuaman.
- ii. Mendapatkan pengesahan SME bagi dokumen BRS yang meliputi maklumat fungsi bisnes, proses bisnes dan definisi aktiviti bagi perkhidmatan bantuan guaman.



Pembentangan BRS Sistem iGuaman oleh SME dari JBG





Sesi bergambar pasukan iGuaman BHEUU dan JBG bersama Perunding ICT MAMPU



Sesi bergambar Peserta Bengkel Semakan dan Pengesahan Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) Sistem iGuaman

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PERPINDAHAN RANGKAIAN BAGI CAWANGAN JBG DAN MDI

Seksyen Pengurusan Maklumat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah melaksanakan aktiviti penyelenggaraan rangkaian melibatkan 41 cawangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) sepanjang tahun 2019. Aktiviti ini dilaksanakan oleh pasukan rangkaian dan keselamatan. Selain itu, pasukan ini juga terlibat dalam membantu pelaksanaan perpindahan rangkaian JBG Cawangan Kuala Lumpur dan Mdl Cawangan Taiping pada Mac 2019. Pasukan rangkaian bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti perpindahan dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan serta melaksanakan pengujian rangkaian di cawangan terlibat.



Kerja-kerja penyelenggaraan dan perpindahan rangkaian bagi cawangan JBG dan Mdl

PENGGANTIAN PERKAKASAN PUSAT DATA BHEUU

Pasukan Pusat Data Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah melaksanakan aktiviti penggantian perkakasan Pusat Data yang rosak bermula pada September sehingga Disember 2019. Aktiviti ini melibatkan penggantian peralatan, migrasi storan dan *virtual machine* bagi semua sistem yang berada di Pusat Data BHEUU daripada peralatan lama ke peralatan baharu. Aktiviti diteruskan dengan pelupusan peralatan yang rosak dan lama. Aktiviti ini dilaksanakan oleh enam orang pasukan Pusat Data BHEUU bersama-sama dua orang *vendor* penyelenggaraan Pusat Data bagi memastikan aktiviti berjalan dengan lancar.



Penggantian Perkakasan Pusat Data BHEUU

PEMASANGAN PERKAKASAN VEEAM BHEUU DI PDSA BANDAR ENSTEK

Pada 13 September 2019 satu perbincangan ringkas dengan pihak MAMPU telah dilaksanakan untuk mendapatkan kebenaran bagi meletakkan perkakasan *backup* Veeam di PDSA Bandar Enstek. Ini adalah kesinambungan dari aktiviti penggantian perkakasan pusat data yang juga melibatkan perkakasan *backup* dan *restore* di Pusat Data BHEUU. Pasukan Pusat Data juga telah membuat lawatan tapak ke PDSA Bandar

Enstek serta penghantaran peralatan tersebut pada 12 Disember 2019 bagi tujuan pemasangan perkakasan *backup* dan *restore*.



Pemasangan perkakasan Veem BHEUU di PDSA bandar Enstek

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN TANPA WAYAR PCN MANAGED SERVICES DI BHEUU

Kerja-kerja pengkabelan UTP dan pemasangan AP (Access Point) telah bermula pada Februari hingga Mac 2019. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan perkhidmatan *PCN Managed Services* oleh MAMPU. Pengujian mula dilaksanakan oleh pasukan Rangkaian BHEUU pada Julai 2019. Pada 4 Disember 2019, Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU dengan kerjasama MAMPU telah mengadakan *information booth* bagi memberi kesedaran kepada warga kerja di bangunan BHEUU berkenaan perkhidmatan baharu WiFi (PCN WiFi) bagi menggantikan perkhidmatan PutraWifi yang ditamatkan pada 27 Disember 2019. Dengan menggunakan kemudahan baharu ini, Internet dapat diakses dengan lebih cepat dan mudah berbanding perkhidmatan WiFi sebelumnya.



Pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian Tanpa Wayar PCN *Managed Services* di BHEUU

TAKLIMAT DASAR KESELAMATAN ICT BHEUU

Pada 28 November 2019, satu taklimat Dasar Keselamatan ICT BHEUU telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Taklimat ini dihadiri seramai 37 orang pegawai dan kakitangan dari BHEUU, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Taklimat telah disampaikan oleh Encik Asnal Nadhim bin Khiruddin dan Puan Noor Fadelia Beagum binti Abdul Aziz daripada pasukan keselamatan, Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU. Taklimat ini diadakan bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangan BHEUU, Mdl dan JBG membaca, memahami dan mematuhi peraturan yang terkandung dalam Dasar Keselamatan ICT BHEUU. Dasar Keselamatan ICT BHEUU merupakan satu dokumen yang mengandungi tatacara penggunaan Aset ICT dan juga internet Kerajaan. Setiap pegawai dan kakitangan hendaklah menandatangani suratakuan pematuhan Dasar Keselamatan ICT BHEUU.



Taklimat Dasar Keselamatan ICT BHEUU

BENGKEL SEMAKAN SEMULA DOKUMEN PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) BHEUU 2016-2020

Pada 23 April hingga 25 April 2019, satu bengkel semakan semula dokumen Pelan Strategik ICT (PSICT) BHEUU 2016-2020 telah diadakan di Ruang Legar Aras 10, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil pasukan teras daripada BHEUU, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP). Objektif bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk menyelaraskan semula semua program dan aktiviti supaya selari dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2016-2020 dan juga arahan semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Berikut merupakan teras strategik ICT BHEUU serta bilangan strategi dan program selepas semakan semula dilaksanakan.

Rajah 3 : Teras Strategik ICT BHEUU

TERAS STRATEGIK ICT & OBJEKTIF			
TERAS 1 Pengukuhan Aplikasi dan Keselamatan Maklumat	TERAS 2 Pemantapan Infrastruktur ICT yang Stabil dan Selamat	TERAS 3 Pengukuhan Kompetensi dan Pembudayaan ICT yang Dinamik	TERAS 4 Pengukuhan Tadbir Urus ICT dan Perkongsian Pintar
- Memaksimumkan perkongsian maklumat melalui pembangunan dan integrasi aplikasi bagi menjamin integriti maklumat dalam penyampaian perkhidmatan - Meningkatkan prestasi aplikasi bagi menggalakkan penggunaan aplikasi secara lebih efisien dan efektif	- Memantapkan keupayaan infrastruktur dan operasi ICT bagi meningkatkan ketersediaan dan keberkesanan perkhidmatan - Mempertingkatkan keselamatan dan pematuhan ICT bagi menjamin integriti maklumat dan perkhidmatan	- Mengoptimumkan kesedaran dan kemahiran ICT dalam tugas harian melalui pembudayaan ICT	- Memantapkan prosedur dan pengurusan ICT bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan - Meningkatkan inisiatif perkongsian pintar secara berkesan selaras dengan pembangunan inovasi ICT yang dinamik

Jadual 6 : Bilangan strategi dan program selepas pelaksanaan semakan semula Dokumen Pelan Strategik ICT BHEUU 2016-2020

Teras	Strategi	Program	Semakan Semula Program	Sub-program	Sub-program Selepas Semakan
Aplikasi	3	9	8	30	26
Infrastruktur	3	6	7	15	15
Pembudayaan ICT	2	4	4	4	4
Tadbir Urus ICT	3	9	8	10	8
JUMLAH	11	28	27	59	53

Dengan mengambil kira perkembangan teknologi semasa, keperluan pengguna, peruntukan kewangan dan sumber manusia, beberapa sub-program telah digugurkan, ditambah dan dipinda. BHEUU bertanggungjawab untuk mengemas kini dan mengkaji semula dokumen ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan bisnes supaya sentiasa relevan dalam memenuhi kehendak pelanggan BHEUU.



Bengkel Semakan Semula Dokumen Pelan Strategik ICT (PSICT) 2016-2020

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

FUNGSI

1. Merancang dan menyelaraskan pelan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU agar program dan aktiviti mendapat liputan meluas oleh media massa.
2. Mengurus dan menyelaraskan bahan penerbitan BHEUU seperti Laporan Tahunan, e-Buletin BHEUU dan lain-lain penerbitan bagi tujuan mempromosi Jabatan.
3. Memantau dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara profesional dan berwibawa bagi meningkatkan imej korporat.
4. Menyelaraskan dan menjawab maklumbalas dan aduan dengan cekap dan efisien.
5. Menyelaraskan maklumat BHEUU untuk dikemaskini pada portal, intranet, *i-board* dan media sosial rasmi BHEUU.
6. Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video, CD, penulisan dan foto.
7. Menyelaraskan lawatan rasmi ke BHEUU.

AKTIVITI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

1. Majlis Amanat Tahun Baharu 2019, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen)

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan Majlis Amanat Tahun Baharu 2019, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) pada 10 Januari 2019 bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. YB Datuk Liew Vui Keong selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) menyampaikan amanat kepada 300 kakitangan melibatkan 11 agensi yang berada di bawah seliaan beliau. Amanat yang disampaikan adalah untuk memberi semangat kepada kakitangan supaya bekerja dengan lebih tekun dan cemerlang serta hala tuju yang perlu di capai oleh setiap agensi. Pada majlis tersebut, YB Datuk Liew Vui Keong turut melancarkan Pelan Strategik 2019-2023 Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan menyampaikan Sijil Penubuhan Yayasan Berdaftar dengan BHEUU.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2019, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) pada 10 Januari 2019

2. Perhimpunan Bulanan BHEUU

Sepanjang tahun 2019, sebanyak enam kali Perhimpunan Bulanan BHEUU diadakan secara bergilir setiap dua bulan sekali antara Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Antara pengisian Perhimpunan Bulanan BHEUU ialah penyampaian amanat Ketua Pengarah, pemakluman pegawai baharu, pertukaran pegawai, penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan dan pemakluman tindakan tatatertib.

Jadual 7 : Senarai Perhimpunan Bulanan BHEUU sepanjang tahun 2019

Bil.	Tajuk	Hos	Tarikh
1	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 1 Tahun 2019	BHEUU	6 Mac 2019
2	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 2 Tahun 2019	Mdl	28 Mei 2019
3	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 3 Tahun 2019	JBG	3 Julai 2019
4	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 4 Tahun 2019	BHEUU	27 Ogos 2019
5	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 5 Tahun 2019	Mdl	10 Oktober 2019
6	Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil. 6 Tahun 2019	JBG	17 Disember 2019



Encik Sheikh Farhan Ahmad, Pembantu Operasi UKK menerima sijil penghargaan di atas kecemerlangan perkhidmatan pada Perhimpunan Bulanan BHEUU Bilangan 4 Tahun 2019



Sebahagian warga BHEUU, JBG dan Mdl yang hadir pada Perhimpunan Bulanan BHEUU



YBhg. Dato' Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Bulanan BHEUU Bilangan 4 Tahun 2019



YBrs. Puan Siti Salwa Musa, Ketua Pengarah JBG ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Bulanan BHEUU Bilangan 6 Tahun 2019 yang dihoskan oleh JBG

3. Lawatan Media

Lawatan media ke Kumpulan Media Karang kraf diadakan pada 25 September 2019. Seramai 25 orang terdiri daripada kakitangan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (Md) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) terlibat dalam lawatan ini. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan menambah ilmu pengetahuan para peserta tentang operasi sesebuah agensi media.



Peserta diberi penerangan tentang proses percetakan buku di kilang Ultimate Print Sdn. Bhd. milik Kumpulan Media Karang kraf



Peserta mengambil peluang bergambar di *photo booth* yang disediakan ketika melawat pejabat akhbar Sinar Harian



Peserta bergambar bersama YBhg. Dato' Hussamuddin Haji Yaacob, Pengerusi Kumpulan Karang kraf



Peserta di beri penerangan berhubung kerja-kerja percetakan

4. Kursus Perkhidmatan Pelanggan dan Kaunter Tahun 2019

Kursus Perkhidmatan Pelanggan dan Kaunter Tahun 2019 adalah salah satu latihan yang dirancang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kefahaman peserta kursus terhadap konsep perkhidmatan pelanggan. Kursus yang berlangsung pada 8 Oktober 2019 bertempat di Aras 10, BHEUU dihadiri seramai 25 peserta melibatkan kakitangan barisan hadapan BHEUU, JBG dan Mdl. Kursus ini dikendalikan oleh tenaga pengajar yang mempunyai bidang kepakaran berkaitan dengan pengurusan khidmat pelanggan dan kaunter dari Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri.



Sebahagian peserta Kursus Perkhidmatan Pelanggan dan Kaunter Tahun 2019



Puan Ropidah Mohamad, Ketua Komunikasi Korporat BPA, JPM bertukar-tukar pandangan bersama peserta kursus



Gambar kumpulan peserta kursus bersama penceramah, Puan Ropidah Mohamad, Ketua Komunikasi Korporat BPA, JPM setelah selesai Kursus Perkhidmatan Pelanggan dan Kaunter Tahun 2019

5. Wawancara Media dan Sidang Media

Slot wawancara bersama media dan sidang media yang di atur oleh Unit Komunikasi Korporat bersama pejabat YB Menteri dan YB Timbalan Menteri sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut :

Jadual 8 : Senarai wawancara media dan sidang media yang dilaksanakan bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen)

Bil.	Wawancara Media/Sidang Media	Tarikh
1	Sidang Media Sempena Lawatan Kerja Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) ke Jabatan Insolvensi Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang serta Kompleks Mahkamah Pulau Pinang.	20 Mac 2019
2	Wawancara Bersama Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) Dalam Rancangan “Ruang Bicara”, TV BERNAMA Mengenai Topik Setahun Malaysia Baharu : Reformasi Undang-Undang”.	23 April 2019
3	Sidang Media Sempena Majlis Perasmian Program Outreach Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) Bersama Yang Berhormat Tuan Muhamed Hanipa Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.	25 April 2019
4	Sidang Media Sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 Kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan.	30 April 2019
5	Wawancara Bersama Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) Dalam Rancangan “Bicara Politikonomi”, TV1 Mengenai Topik “Setahun Reformasi Undang-Undang Bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen)”.	1 Mei 2019
6	Wawancara Media Bersama Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) Mengenai Topik “Setahun Pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan” di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.	7 Mei 2019
7	Sidang Media Sempena Majlis Ramah Mesra Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) Bersama warga Kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan.	18 Jun 2019

8	Sidang Media Sempena Lawatan Kerja Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hal Ehwal Parlimen) ke Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Selangor serta Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor.	24 Jun 2019
9	Sidang Media Sempena <i>National High Level Dialogue on Business and Human Rights : Towards a Malaysian National Action Plan on Business and Human Rights.</i>	24 Jun 2019
10	Sidang Media Majlis Penyerahan Projek Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan.	23 Julai 2019
11	Sidang Media <i>Launching of the Workshop : Towards Better Whistle Blower Protection in Malaysia.</i>	1 Ogos 2019
12	Sidang Media <i>National Stakeholders Consultation on the Right to Information Legislation.</i>	27 November 2019



Sidang media YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) pada Majlis *National High Level Dialogue on Business and Human Rights : Towards a Malaysian National Action Plan on Business and Human Rights*



Sidang media YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) pada Majlis *National Stakeholders Consultation on the Right to Information Legislation*



Isidang media YB Tuan Hanipa Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) pada Majlis Penyerahan Projek Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan.



YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen) ketika dijemput sebagai panel wawancara dalam rancangan Ruang Bicara, BERNAMA TV mengenai topik "Setahun Pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan"

6. Menerima Lawatan

Seramai 40 orang pelajar *Taylor's University* yang mengikuti Kursus Perundangan tahun pertama telah membuat lawatan sambil belajar ke Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) pada 2 Oktober 2019. Lawatan ini dikendalikan oleh Unit Komunikasi Korporat bersama Seksyen Dasar dan Penyelidikan dengan memberi pendedahan mengenai fungsi BHEUU dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara.



Pensyarah Taylor's University yang hadir sama dalam lawatan



Encik Ahmad Ma'aruf bin Mohamed Anuar, Pegawai dari Seksyen Dasar dan Penyelidikan menyampaikan taklimat kepada pelajar Taylor's University



Sebahagian daripada pelajar *Taylor's University* yang mengikuti Kursus Perundangan tahun pertama



Gambar kumpulan bersama pensyarah dan pelajar *Taylor's University* setelah selesai lawatan

7. Senarai aktiviti lain Unit Komunikasi Korporat sepanjang tahun 2019

- i. Menyelaras penerbitan Laporan Tahunan 2018.
- ii. Mengemaskini kandungan portal, media sosial rasmi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) iaitu *facebook*, *twitter* dan *instagram*, *i-board* dan *intranet*.
- iii. Dokumentasi keratan akhbar.
- iv. Dokumentasi foto.
- v. Dokumentasi video.
- vi. Menyelaras aduan, pertanyaan dan cadangan yang diterima.
- vii. Perkhidmatan Kaunter Khidmat Pelanggan.

PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU

SENARAI AHLI JAWATANKUASA 2019

Senarai Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) bagi tahun 2019 adalah seperti berikut :

Penasihat : YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi

Pengerusi : YBrs. Puan Shamsiah binti Hassan

Naib Pengerusi : Puan Raden Lailani binti Raden Othman

Setiausaha : Puan Nurul Huda binti Zainuddin

Penolong Setiausaha : Puan Siti Marni binti Marsin

Bendahari : Puan Nazlina Azlin binti Adamsah

Penolong Bendahari : Puan Nor Hafizah binti Ahmad Fauzi

Pemeriksa Kira-kira 1 : Puan Roshelawati binti Mohd Hussin

Pemeriksa Kira-kira 2 : Puan Suriani binti Isa

Pemegang Amanah 1 : Puan Siti Nor Farizan binti Ab Aziz

Pemegang Amanah 2 : Puan Suriani binti Isa

Jumlah Keahlian : 278 orang

LAPORAN AKTIVITI

5 Mac 2019 - Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) dan Laporan Mesyuarat Agung Perwakilan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Yang Ke-9.



7 Mac 2019 - Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih sempena persaraan YBhg. Datuk Seri Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Merangkap Penasihat Puspanita Cawangan Kecil BHEUU



8 Mac 2019 - Sesi Perjumpaan YBhg. Datin Seri Pengerusi Puspanita Bersama Ketua Biro/AJK Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).



31 Mac 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Sempena Kejohanan Bowling Piala Yang Dipertua Puspanita.



1 April 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) sempena Majlis Makan Malam '*Ladies Nite - Light, Camera & Action*'.



16 April 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) sempena *Secretaries Week Luncheon*



3 Mei 2019 - Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Anjuran Biro Agama, Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dengan kerjasama Biro Agama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) BHEUU.



Program Tadarus Al-Quran dan solat Zohor berjemaah sepanjang Ramadan 1440 Hijrah



27 Mei 2010 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Sempena Program Tadarus dan Khatam Al-Quran Puspanita “Ihya Ramadhan 1440H” Tahun 2019.



29 Mei 2020 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Sempena Program Tadarus dan Khatam Al-Quran Puspanita Jabatan Perdana Menteri (JPM).



18 Jun 2019 - Majlis Ramah Mesra YB Menteri Dan YB Timbalan Menteri Bersama Warga Kerja Kluster Pengurusan Kehakiman dan Perundangan.



23 Ogos 2019 - Program ZUMBA MERDEKA di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU



15 - 16 Oktober 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil BHEUU Sempena Program *Clothing Bank for Disaster Relief* (CB4DR) Peringkat JPM.



21 November 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) sempena Majlis Makan Malam *Ladies Night* Puspanita Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2019.



5 Disember 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Sempena Majlis Kemuncak Kembara Kebajikan Jalinan Kasih Puspanita Kebangsaan.



2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Sempena Program Kecergasan Fitzumba Puspanita Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2019



17 Disember 2019 - Penyertaan Puspanita Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) ke Lawatan Parlimen Malaysia.



JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)

PROFIL KORPORAT

Keadilan merupakan prasyarat kepada negara dan rakyat yang maju dan berjaya. Oleh itu perkhidmatan bantuan guaman memainkan peranan yang sangat penting. Melalui perkhidmatan bantuan guaman yang dibiayai oleh dana awam, Kerajaan cuba memastikan bahawa tidak ada mana-mana orang yang mempunyai alasan yang munasabah untuk mengambil tindakan undang-undang dihalang dari mendapatkan keadilan hanya kerana mereka kurang kemampuan.

Sejarah telah menyaksikan perkembangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) daripada sebuah organisasi kecil pada tahun 1970 kepada sebuah Jabatan besar yang kini mempunyai 22 cawangan di seluruh negara. Selama hampir 50 tahun, JBG telah melalui proses transformasi dalam pelbagai aspek, sesuai dengan keperluan semasa masyarakat.

Fungsi JBG sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] adalah seperti yang berikut :


- i. Memberi khidmat nasihat guaman atas segala perkara (Bahagian V, Jadual Keempat).
- ii. Mewakili atau memberi bantuan dalam prosiding di semua mahkamah dalam bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua (bidang kuasa jenayah) dan Jadual Ketiga (bidang kuasa sivil dan syariah).
- iii. Memberi khidmat pengantaraan (Bahagian VA).
- iv. Memberi khidmat pendamping guaman (Bahagian VB).

NILAI TERAS BERSAMA WARGA JBG

Perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan kepada golongan sasaran adalah berteraskan prinsip profesionalisme bagi memastikan keadilan dapat diperoleh melalui proses perundangan.

- i. Integriti
- ii. Profesional
- iii. Responsif
- iv. Kerja berpasukan
- v. Kreatif dan inovatif
- vi. Berorientasikan pelanggan

CARTA ORGANISASI



PIAGAM PELANGGAN

1. Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi 15 minit.
2. Memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak melalui proses pengantaraan.
3. Memastikan pliding disiapkan dalam tempoh :
 - i. Bagi kes yang tidak melalui proses pengantaraan, 30 hari dari tarikh penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap.
 - ii. Bagi kes yang melalui proses pengantaraan, 21 hari dari tarikh sesi pengantaraan selesai.
4. Memastikan kes difailkan ke mahkamah dalam tempoh 14 hari selepas penyediaan pliding yang lengkap.
5. Memastikan perintah/penghakiman bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh tujuh hari selepas ia diterima daripada mahkamah.

Jadual 1 : Teras Utama Pelan Strategik Jabatan Bantuan Guaman 2019-2023

TERAS STRATEGIK 1	TERAS STRATEGIK 2	TERAS STRATEGIK 3	CARTA ORGANISASI
Memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman bagi menjamin akses kepada keadilan	Memantapkan tadbir urus, keupayaan dan kapasiti warga Jabatan ke arah kecemerlangan organisasi	Memperkukuhkan sistem aplikasi dan perkongsia maklumat untuk penyampaian perkhidmatan yang berkesan	

PENCAPAIAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) TAHUN 2019

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah meninggalkan tahun 2019 dengan beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan. Tahun 2019 menyaksikan JBG menyahut seruan Kerajaan untuk melaksanakan inovasi melalui projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dalam memperkasa perkhidmatan bantuan guaman di seluruh negara.

Susulan daripada kolaborasi strategik bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), kumpulan KIK hybrid telah ditubuhkan dengan menjadikan kolaborasi strategik tersebut sebagai projek yang bersaing dan menjadi johan di peringkat MAIWP dan seterusnya menjadi tiga kumpulan terbaik di peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pada tahun 2019 juga JBG telah meneruskan kolaborasi strategik bersama Majlis Agama Islam Negeri di mana pada tahun 2019, JBG telah berjaya menjalin kerjasama bersama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Peruntukan sebanyak RM75,000.00 disediakan oleh MAINJ untuk membiayai pengendalian kes-kes asnaf di Johor oleh

peguam panel JBG. Kerjasama ini dilihat dapat memberikan kesan positif dalam penyampaian perkhidmatan JBG kepada masyarakat selaras dengan visi, misi, fungsi dan Pelan Strategik JBG 2019-2023.

Dari aspek pengurusan kewangan pula, JBG telah berjaya meneruskan rekod kecemerlangan tahun 2018 apabila terus mencatat rekod tiada pembayaran yang memerlukan kebenaran khas di bawah perbelanjaan mengurus bagi tahun 2019 (AP58(a)). Kejayaan ini membuktikan perancangan pengurusan kewangan tahun semasa JBG telah diuruskan dengan baik. Bagi pengendalian data HRMIS, sehingga 31 Disember 2019, JBG telah berjaya memastikan pelaksanaan semua modul-modul HRMIS mencapai KPI yang telah ditetapkan iaitu 100%.

Kejayaan JBG pada tahun 2019 turut disumbangkan oleh JBG negeri dan cawangan. JBG Kedah misalnya telah berjaya menerima Anugerah Pengurusan Kewangan pada Hari Inovasi dan Kecemerlangan peringkat JPM pada 31 Oktober 2019.

Selain itu, JBG juga telah berjaya melaksanakan dasar pengecilan saiz jawatan walaupun agak berat dan sukar, namun Jabatan perlu melaksanakan dasar tersebut sebagaimana ketetapan. Kegagalan dalam melaksanakan dasar ini akan mengakibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menarik mana-mana jawatan yang difikirkan sesuai dalam satu-satu Jabatan.

Dalam meneruskan kecemerlangan dan tindakan transformasi berterusan, Pelan Strategik JBG bagi tahun 2019-2023 telah pun diperkenalkan. Pelan strategik ini merupakan kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2014-2018. Perancangan strategi dan inisiatif di dalam Pelan Strategik ini telah diteliti secara terperinci bagi memastikan pelaksanaannya terus relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pelanggan/*stakeholders*.

Kejayaan ini sebagai satu lagi bukti kecemerlangan JBG dalam usaha memastikan JBG sebagai satu agensi peneraju perkhidmatan bantuan guaman untuk memberi akses kepada keadilan. Menerusi tiga teras strategik dan 28 program yang digariskan dalam Pelan Strategik JBG ini, ia mampu meningkatkan lagi keberkesanan JBG sepanjang tempoh lima tahun mendatang.

Berdasarkan kepada strategi dan program-program yang terkandung dalam pelan strategik ini, ia mampu memberi impak yang tinggi terhadap pengukuhan penyampaian perkhidmatan berterusan kepada pelanggan dan memenuhi aspirasi serta ekspektasi *stakeholder* JBG. Pelan Strategik JBG 2019-2023 ini akan dipantau secara berkala oleh Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelan Strategik JBG bagi memastikan setiap strategi yang dirangka dapat dicapai melalui program-program yang ditetapkan.

LITIGASI DAN NASIHAT SIVIL DAN SYARIAH


STATISTIK PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2019

1. Pendaftaran kes sivil

Sejumlah 3,238 kes sivil telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seluruh Malaysia pada tahun 2019 yang terdiri daripada 2,964 (91.53%) kekeluargaan sivil dan 274 (8.46%) sivil pelbagai.

Daripada jumlah 2,964 tersebut, sebanyak 2,913 (98.27%) merupakan kes cerai, 16 (0.53%) kes jagaan, 9 (0.3%) nafkah, 25 (0.84%) kuat kuasa perintah nafkah, 3 (0.1%) mengubah perintah nafkah, 3 (0.1%) mengubah perintah jagaan, 1 (0.03%) kuat kuasa perintah jagaan masing-masing. (Lihat Rajah 1).

Rajah 1 : Statistik Pendaftaran Kes Kekeluargaan Sivil (Bukan Islam)



JBG Sarawak mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil paling tinggi (395), diikuti JBG Pulau Pinang (303) dan JBG Perak (280), manakala Labuan dan Gua Musang mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil terendah iaitu masing-masing 3 dan 1 kes. (Lihat Jadual 2).


Jadual 2 : Khidmat Nasihat Dan Pendaftaran Kes Bagi Kes Sivil Dan Jenayah

Cawangan	Pendaftaran Kes Kekeluargaan Sivil	Pendaftaran Kes Sivil Pelbagai	Pendaftaran Kes Jenayah	Khidmat Nasihat Sivil	Khidmat Nasihat Jenayah
Perlis	13	4	3	238	31
Kedah	205	12	200	493	33
Pulau Pinang	303	10	11	652	38
Perak	280	21	70	1494	70
Kuala Lumpur	231	8	4	898	19
Selangor	233	21	0	1432	72
Negeri Sembilan	193	19	0	446	14
Melaka	82	15	1	392	82
Johor	183	15	7	2,116	143
Pahang	47	5	14	279	25
Terengganu	11	3	16	79	87
Kelantan	14	2	16	347	160
Sarawak	395	7	3	1,312	83
Sabah	188	55	1	917	93
Langkawi	4	4	12	99	45
Taiping	62	58	16	265	17
Muar	145	2	2	406	22
Gua Musang	1	0	2	18	15
Raub	37	9	1	77	2
Miri	164	1	1	605	21
Sibu	170	1	0	389	17
Labuan	3	2	1	58	12
Ibu Pejabat JBG	0	0	1	362	72
JUMLAH	2,964	274	382	13,374	1,173

Sebanyak 54 kes sivil pelbagai didaftarkan sepanjang tahun 2019. Kes pelbagai merangkumi surat tadbir pusaka, 32 (59.25%), tuntutan pengguna, 0 (0%), anggapan kematian, 9 (16.66%), pengangkatan, 9 (16.66%), harta pusaka kecil, 3 (5.55%), kemalangan, 1 (1.85%), sewa menyewa, 0 (0%), dan pinjaman wang, 0 (0%) dan penanam padi 0 kes (0 %). (Lihat Rajah 2).

JBG Sabah mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai paling tinggi (10) diikuti JBG Taiping (9) dan JBG Melaka (8), manakala JBG Perlis, Kelantan, Muar, Gua Musang, Miri dan Sibu tidak mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai pada tahun 2019.

Rajah 2 : Statistik Pendaftaran Sivil Pelbagai




2. Pendaftaran kes jenayah

Sejumlah 382 kes jenayah telah didaftarkan di JBG seluruh Malaysia pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 357 (93.45%) merupakan kes pengakuan salah dan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, 25 (6.54%) dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 0 (0%) (Lihat Rajah 3).

JBG Kedah mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling tinggi (200) diikuti JBG Perak (70) manakala JBG Melaka, Sabah, Raub, Miri dan Labuan mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling rendah pada tahun 2019 dengan 1 kes didaftarkan. JBG Selangor, Negeri Sembilan dan Sibul pula tiada mencatatkan sebarang kes jenayah.

Rajah 3 : Statistik Pendaftaran Kes Jenayah




3. Pendaftaran kes sivil dan jenayah mengikut jantina

Daripada jumlah 3,238 kes sivil, 2,148 (66.34%) anak guam adalah perempuan dan baki 1,090 (33.66%) lelaki.

Daripada keseluruhan 382 kes jenayah yang didaftarkan, 355 (92.93%) anak guam lelaki dan baki 27 (7.06%) perempuan. (Lihat Rajah 4).

Rajah 4 : Pendaftaran Kes Sivil dan Jenayah Mengikut Jantina




4. Pendaftaran Kes Sivil dan Jenayah Mengikut Kaum

Daripada jumlah 3,238 kes sivil yang didaftarkan, 122 (3.77%) kes melibatkan anak guam berbangsa Melayu, Cina 1445 (44.62%), India 861 (26.59%) dan lain-lain bangsa sebanyak 810 (25%) kes.

Daripada 382 kes jenayah yang didaftarkan, 347 (90.83%) kes melibatkan anak guam bangsa Melayu, 8 (2.09%) Cina dan 21 (5.49%) India dan 6 (1.57%) lain-lain bangsa. (Lihat Rajah 5).

Rajah 5 : Pendaftaran Kes Sivill dan Jenayah Mengikut Kaum



5. Penyelesaian kes sivil bagi tahun 2018

Pada tahun 2019, sebanyak 7,554 kes telah berjaya diselesaikan (termasuk kes yang didaftarkan sebelum tahun 2019). JBG Kedah mencatatkan penyelesaian kes paling tinggi dengan jumlah sebanyak 776 kes diikuti JBG Perak (711 kes) dan JBG Pulau Pinang (605 kes).


STATISTIK PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2019

1. Pendaftaran Kes Syariah

Sejumlah 8,606 kes telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seluruh Malaysia pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 58% merupakan kes kekeluargaan syariah yang merangkumi kes perceraian sebanyak 28%, nafkah sebanyak 11%, hak jagaan 9.4%, mutaah 4%, harta sepencarian 2.8%, mengubah perintah nafkah 0.9%, kuat kuasa perintah nafkah 0.7%, ubah perintah jagaan 0.5%, hibah 0.2%, kuat kuasa perintah jagaan 0.7%, kuat kuasa perintah harta sepencarian 0.14%, kuat kuasa perintah mutaah 0.11%, hutang perkahwinan 0.06% dan gantirugi pertunangan sebanyak 0.03%. (Rajah 6).

JBG Terengganu mencatatkan pendaftaran kes syariah paling tinggi (688 kes), diikuti JBG Kelantan (653 kes) dan JBG Kedah (574 kes), manakala JBG Ibu Pejabat mencatatkan pendaftaran kes syariah terendah iaitu 25 kes. (Jadual 3).

Rajah 6 : Pendaftaran Kes Syariah Tahun 2019




2. Khidmat Nasihat Syariah

Sejumlah 28,665 nasihat guaman telah diberikan di seluruh Malaysia oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 49.3% merupakan nasihat kes syariah yang merangkumi 48.1% kes dalam bidang kuasa JBG dan 1.1% kes luar bidang kuasa JBG. (Rajah 7).

JBG Johor mencatatkan jumlah khidmat nasihat syariah paling tinggi (2,024), diikuti JBG Kelantan (1,756) dan JBG Kedah (1,277), manakala JBG Gua Musang mencatatkan jumlah khidmat nasihat syariah terendah (109). (Jadual 3).

Rajah 7 : Khidmat Nasihat Kes Syariah



**Jadual 3 : Jumlah Pendaftaran Kes kekeluargaan Syariah
dan Khidmat Nasihat Syariah**

Cawangan	Pendaftaran Kes Kekeluargaan Syariah	Khidmat Nasihat Syariah
Perlis	148	420
Kedah	574	1,277
Pulau Pinang	281	575
Perak	174	911
Kuala Lumpur	163	694
Selangor	206	1,181
Negeri Sembilan	114	303
Melaka	89	452
Johor	471	2,024
Pahang	215	1,026
Terengganu	688	559
Kelantan	653	1,756
Sarawak	252	523
Sabah	109	382
Langkawi	74	257
Taiping	118	183
Muar	160	472
Gua Musang	42	109
Raub	202	223
Miri	86	186
Sibu	86	177
Labuan	56	168
Ibu Pejabat JBG	25	260
JUMLAH	4,986	14,118

3. Penyelesaian kes syariah bagi tahun 2019

Pada tahun 2019, sebanyak 4,872 kes telah berjaya diselesaikan (termasuk kes yang didaftarkan sebelum tahun 2019). Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Kelantan mencatatkan penyelesaian kes paling tinggi dengan jumlah sebanyak 617 kes diikuti JBG Terengganu (586 kes) dan JBG Kedah (470 kes).

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN DAN PERSONEL

Sehingga 31 Disember 2019, peratus pengisian bagi semua kumpulan perkhidmatan di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) adalah sebanyak 95.40% (455 jawatan berbanding keseluruhan bilangan perjawatan iaitu sebanyak 477 jawatan). Jadual 4 di bawah menunjukkan kedudukan perjawatan, pengisian dan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan.

Jadual 4: Perjawatan dan Personel

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2	Pengurusan dan Profesional	83	76	7
3	Kumpulan Pelaksana (19-40)	330	318	12
4	Kumpulan Pelaksana (1-14)	62	59	3
	JUMLAH	477	455	22

PENCAPAIAN HRMIS SEPANJANG TAHUN 2019

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah berjaya memastikan pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga 31 Disember 2019 dan telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan seperti berikut:

Jadual 5 : Pencapaian HRMIS Sepanjang Tahun 2019

Maklumat HRMIS	Pengemaskinian Data HRMIS (%)
Data Integriti	100%
Data Sasaran Kerja Tahunan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan	100%
Penamatan Perkhidmatan	100%
Pengisytiharan Harta	100%

PENGIKTIRAFAN JABATAN KEPADA PEGAWAI SEPANJANG TAHUN 2019

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) sentiasa menghargai sumbangan dan jasa bakti pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan penuh dedikasi serta cemerlang dalam apa jua tugas yang diberikan. Penghargaan ini diterjemahkan menerusi pengiktirafan jabatan seperti berikut :

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Berdasarkan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) 2019, seramai 36 orang pegawai/kakitangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pelbagai gred dan jawatan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2019.

2. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat

Sehingga bulan Disember 2019, seramai dua orang pegawai/kakitangan JBG telah dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Persekutuan dan Negeri. Senarai penerima adalah seperti berikut :

Jadual 6 : Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat

Bil.	Nama	Jawatan/Gred	Persekutuan/ Negeri	Kategori Pingat
1	Maimun binti Mad Jan	PT(P/O)/N19	Persekutuan	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)
2	Wan Mariani binti Wan Hussin	PT(P/O)/N22 (KUP)	Persekutuan	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)

3. Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (APCB)

Selaras dengan usaha untuk membudayakan kecemerlangan di kalangan penjawat awam, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mengiktiraf kecemerlangan pegawai/kakitangan JBG menerusi Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (APCB). Anugerah ini diwujudkan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan antaranya penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan dan prestasi kerja yang cemerlang pada bulan tersebut. Pada tahun 2019, seramai 23 orang pegawai telah menerima APCB.

Jadual 7 : Senarai Pekerja Contoh Bulanan Tahun 2019

Bulan	Penerima	Cawangan
Januari	Ahmad Syakir bin Harun	JBG Cawangan Taiping
	Siti Hadijah binti Ibrahim	JBG Sabah
Februari	Mohd Afiq Syahmi bin Abdullah	JBG Pahang
	Norazliza binti Saliman	JBG Ibu Pejabat
Mac	Mohamad Al Hafid bin Ismail	JBG Pulau Pinang
	Siti Zaleha binti Mohd Salji	JBG Ibu Pejabat
April	Lim Chai See	JBG Ibu Pejabat
	Siti Farazalita binti Sulaiman	JBG Cawangan Muar
Mei	Nora Roliza binti Mahdi	JBG Negeri Sembilan
	Abdul Rashid bin Yaakub	JBG Ibu Pejabat
Jun	Sahidan bin Hanapiah @ Mat Hanapiah	JBG Ibu Pejabat
	Maimun binti Mat Jan	JBG Cawangan Taiping
Julai	Asmaulfajriah binti Ali @ Mat Ali	JBG Ibu Pejabat
	Azrul Aminul Rashid bin Mohd Ali	JBG WP Kuala Lumpur
Ogos	Shawal bin Dahalan	JBG Negeri Sembilan
	Azizah binti Salih	JBG Ibu Pejabat
September	Azlin Zeti binti Zainal Abidin	JBG Pulau Pinang
	Nor Haliza binti Azhar	JBG Perak
Oktober	Marina binti Abdul Rahman	JBG Ibu Pejabat
	Ardia Farizan binti Ab. Talib	JBG Pulau Pinang
November	Muhamad Aslam bin Ahmad	JBG Pulau Pinang
	Faziana binti Kasni	JBG Negeri Sembilan
Disember	Mohamad Afiq bin Zuber	JBG Perak

4. Anugerah Zero MC

Anugerah *Zero MC* merupakan suatu inisiatif baharu Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pada tahun 2019 bagi memberi penghargaan kepada warga Jabatan yang mempunyai rekod kehadiran penuh tanpa Sijil Cuti Sakit

sepanjang tempoh 2017 hingga 2018. Seramai 73 orang pegawai dari pelbagai Negeri/Cawangan dan gred jawatan telah menerima sijil penghargaan ini dan nama mereka juga telah dipaparkan dalam Portal JBG pada tahun 2019.

PELAKSANAAN KURSUS/LATIHAN SEPANJANG TAHUN 2019

1. Kursus Generik dan Fungsional JBG

Sebanyak satu kursus/latihan generik dan dua kursus/latihan fungsional telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pada tahun 2019 melibatkan seramai 147 orang peserta manakala terdapat satu lawatan kerja luar ke Australia yang melibatkan dua orang pegawai di Ibu Pejabat, JBG.

Jadual 8 : Kursus/Latihan Generik Anjuran Dalaman JBG

Bil.	Kursus/Latihan	Tarikh	Kos (RM)	Bilangan Hadir
1	Kursus Pengurusan Tuntutan Kos Kes-kes Pengendalian JBG	5 Mac-7 Mac 2019	15,622	51
2	Kursus Pengendalian Kes Pengantaraan Dan Peningkatan Kemahiran Pengantaraan JBG	9 April-11 April 2019	4,190	24
JUMLAH KURSUS/ LATIHAN			5,712	75

Jadual 9 : Kursus/Latihan Fungsional Anjuran Dalaman JBG

Bil.	Kursus/Latihan	Tarikh	Bilangan Hadir
Kursus Lexis Nexis			
1	JBG Selangor	7 Mei 2019	24
2	JBG Ibu Pejabat	31 Mei 2019	8
3	JBG Kedah	18 Jun 2019	9
4	JBG Melaka	20 Ogos 2019	10
5	JBG Sarawak	4 September 2019	10
6	JBG Kelantan	3 Oktober 2019	11
JUMLAH KURSUS/LATIHAN			72

2. Lawatan kerja luar negara

Lawatan kerja ke South Wales, Australia pada 10 Mac hingga 14 Mac 2019.

Jadual 10 : Lawatan Kerja Ke Luar Negara

Bil.	Lawatan Kerja	Tarikh	Kos (RM)	Bilangan Hadir
1	Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Flexibility Study</i>) di <i>Legal Aid New South Wales, Law Society Of New Wales And Public Defenders Of New South Wales, Australia</i>	10 Mac-14 Mac 2019	42,973.25	2
	JUMLAH		42,973.25	

3. Kehadiran Berkursus JBG

Bagi Jabatan Bantuan Guaman (JBG) keseluruhannya, seramai 177 orang (39.16%) telah menghadiri sekurang-kurangnya tujuh hari berkursus manakala 275 orang (60.84%) pula telah menghadiri sekurang-kurangnya tiga hari berkursus. Sepanjang tahun 2019, latihan dan kursus warga JBG telah mencapai 100% pematuhan dengan warga JBG menghadiri kursus sekurang-kurangnya tiga hari.

Jadual 11 : Kehadiran Berkursus Warga JBG

Bil.	Gred Kumpulan	Jumlah	Kursus/Latihan							
			Bil. Peserta Yang Hadir ≥ 7 Hari		Bil. Peserta Yang Hadir 4 – 6 Hari		Bil. Peserta Yang Hadir ≥ 3 Hari		Bil. Peserta Yang Tidak Menghadiri Kursus	
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1	JUSA	2	0	0	0	0	2	100	0	0
2	P & P Gred 54	1	1	100	0	0	0	0	0	0
3	P & P Gred 52	8	7	87.50	1	12.50	0	0	0	0
4	P & P Gred 48	10	6	60.00	3	30.00	1	10.00	0	0
5	P & P Gred 44	20	13	65.00	7	35.00	0	0	0	0
6	P & P Gred 41	35	23	65.71	9	25.71	3	8.57	0	0
7	Pelaksana I	320	138	43.13	122	38.13	60	18.75	0	0
8	Pelaksana II	59	12	20.34	28	47.46	19	32.20	0	0
JUMLAH		455	200	43.96	170	37.36	85	18.68	0	0

4. Pelaksanaan Kursus Atas Talian / E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)

Sejumlah 36% orang warga Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mengikuti kursus atas talian, E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) sehingga 15 Disember 2019.

Jadual 12 : Kursus Atas Talian/E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)

Bil.	Gred Kumpulan	Jumlah	Kursus Atas Talian/E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)	
			Ya	Tidak
1	JUSA	2	0	2
2	P & P Gred 54	1	0	1
3	P & P Gred 52	8	0	8
4	P & P Gred 48	10	2	8
5	P & P Gred 44	21	1	20
6	P & P Gred 41	36	6	30
7	Pelaksana I	318	125	193
8	Pelaksana II	59	30	29
	JUMLAH	455	164	291

PENGURUSAN KEWANGAN

1. Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019

Peruntukan Mengurus di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM25,858,200.00. Prestasi bajet mengikut agihan adalah seperti berikut :

Jadual 13 : Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019

Kod & Penjenisan Perbelanjaan	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Termasuk Tambahan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
Emolumen	20,268,200.00	20,268,200.00	22,515,361.72
Perkhidmatan dan Bekalan	5,015,000.00	5,585,000.00	5,506,103.95
Pemberian dan Bayaran Tetap	14,252.00	14,252.00	13,218.99
Perbelanjaan Lain	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	25,297,452.00	25,867,452.00	28,034,684.66

2. Ringkasan prestasi proses pembayaran bil sempurna bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019

Bagi tempoh sehingga 31 Disember 2019, sejumlah 4,049 bil telah didaftarkan mengikut tempoh masa seperti berikut:

Jadual 14 : Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna Bagi Tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019

Tempoh	Bilangan Didaftarkan	Bil Telah Sempurna Bayaran					
1.1.2019 Hingga 31.12.2019	Bil.	Nilai (RM)	Hari	Bil.	%	Nilai (RM)	%
			≤ 7	3,025	78.92	5,313,864.13	86.83
	4,049	6,120,016.44	8-14	1,021	20.22	801,371.62	13.09
			≥14	3*	0.86	4,780.69	0.08

* Sejumlah 3 bil melebihi 14 hari kerana kelewatan disebabkan oleh masalah sistem iGFMS

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. Perolehan peralatan ICT

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah melaksanakan perolehan secara tender terbuka bagi perolehan Perkhidmatan Penyewaan, Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mengkonfigurasi, Mentaliah dan Menyelenggara Komputer Peribadi di JBG. Perolehan ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menggantikan komputer peribadi di JBG yang telah usang di mana komputer peribadi ini tidak mampu menampung keperluan semasa sistem yang digunakan di Jabatan dan kerap mengalami kerosakan.

Kontrak yang bernilai RM870,048.00 ini membekalkan 190 unit komputer peribadi yang diagihkan kepada pegawai dan kakitangan JBG di Ibu Pejabat dan 22 cawangan JBG di seluruh negara. Kontrak bagi perolehan ini berkuat kuasa selama 36 bulan bermula dari 6 Ogos 2019 hingga 5 Ogos 2022.

2. Projek pembangunan Sistem Bantuan Guaman (iGuaman)

i. Latar belakang

Projek Pembangunan Sistem iGuaman dilaksanakan bagi menggantikan Sistem Pengurusan Kes JBG (SPK-JBG) sedia ada di mana SPK-JBG menghadapi masalah :

- a) Fungsi sistem tidak memenuhi keperluan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017.
- b) Sistem tiada elemen integrasi dengan agensi luar.
- c) Perkakasan, perisian sistem pengoperasian dan pangkalan data SPK-JBG telah usang dan EOL (End of Life).
- d) Sistem terdedah kepada ancaman keselamatan.
- e) Penjanaan laporan tidak dapat dilakukan secara efisien kerana mengambil masa yang terlalu lama.

Keperluan kepada projek pembangunan sistem ini juga turut dinyatakan dalam Pelan Strategik JBG Tahun 2019 - 2023 di bawah Teras Strategik 3 iaitu Strategi 2: Memantapkan Aplikasi dan Penggunaan Sistem.

ii. *Business Requirement Specifications*

Projek pembangunan sistem iGuaman ini menggunakan garis panduan yang dinyatakan dalam Buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) terbitan MAMPU. Seperti yang digariskan dalam KRISA, dokumen

Business Requirement Specifications (BRS) merupakan dokumen utama yang perlu dilengkapkan sebelum fasa pembangunan sistem yang seterusnya dapat dilaksanakan. Dokumen BRS ini mengandungi semua fungsi bisnes, carta alir dan proses kerja yang ingin dibangunkan dalam sesuatu sistem.

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT MAMPU telah berjaya melengkapkan secara *in-house* dan mengesahkan dokumen BRS pada tahun 2019 seperti yang dirancang. Dokumen BRS ini akan digunakan sebagai rujukan dalam fasa pembangunan sistem yang dijadualkan akan mengambil masa selama 24 bulan bermula pada Jun 2020 hingga Jun 2022.

iii. Pembangunan Sistem iGuaman

Pembangunan Sistem iGuaman seterusnya akan dilaksanakan secara *outsourcing* dengan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM9,747,124.00 (termasuk SST). Perolehan projek ini akan dilaksanakan secara tender terbuka dan menggunakan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* Ke-Empat (RP4) yang telah diluluskan pada 7 November 2019.

Skop pembangunan merangkumi aspek perolehan peralatan ICT, perisian, pembangunan sistem dan perkhidmatan. Perkhidmatan yang dilaksanakan dalam projek ini termasuklah *Training and Transfer of Technology* (TOT), *User Training*, *Change Management*, *Project Management* dan *Security Posture Assessment* (SPA) and *Hardening*.

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

1. Koleksi bahan bacaan perpustakaan Ibu Pejabat JBG tahun 2019

Di perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Ibu Pejabat terdapat sebanyak 7,438 buah naskah koleksi bahan bacaan. Namun, tiada pembelian bahan bacaan baharu dapat dibuat pada tahun 2019 memandangkan tiada peruntukan kewangan diterima mulai tahun 2015 sehingga kini. Perpustakaan Ibu Pejabat hanya mampu menyediakan langganan surat khabar dan majalah sebagai bahan bacaan terkini pengguna.


Jadual 15 : Jumlah Koleksi Perpustakaan Sehingga 2019

Koleksi	Jumlah
Buku	3,996
Majalah	1,795
Buletin	902
Laporan Tahunan	605
Cakera Padat – Audio (CD)	4
Cakera Padat – Video (VCD/DVD)	7
Cekera Padat – (CD ROM)	129
Jumlah Koleksi	7,438

2. Jumlah pengunjung perpustakaan Ibu Pejabat JBG

Seramai 1,470 orang pengunjung telah direkodkan mengunjungi perpustakaan sejak Januari hingga Disember 2019 seperti Rajah 8 dengan peningkatan seramai 723 orang berbanding tahun 2018 (747 orang).


Rajah 8 : Jumlah Pengunjung Perpustakaan Ibu Pejabat JBG Januari hingga Disember 2019



3. Pinjaman Bahan Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

Sebanyak 209 buah naskah bahan bacaan telah dipinjam untuk bacaan dan rujukan oleh pengguna iaitu peningkatan sebanyak 161 naskah berbanding tahun 2018 (46 naskah).

Rajah 9 : Jumlah Pinjaman Bahan Perpustakaan Ibu Pejabat JBG Januari Hingga Disember 2019



4. Latihan Pangkalan Data Lexis Nexis

Sebanyak lima kali latihan pangkalan data Lexis Nexis telah diadakan di cawangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seperti di bawah. Pengguna-pengguna telah diberi bimbingan berkaitan kaedah penggunaan Lexis Nexis yang telah dinaiktaraf kepada Lexis Advance yang bersifat lebih interaktif dan mempunyai fungsi seperti carian *google* yang lebih pantas.

Jadual 16 : Latihan Pangkalan Data Lexis Nexis

Bil.	Cawangan	Tarikh	Tempat
1	JBG Selangor	7 Mei 2019	JBG Selangor
2	JBG Ibu Pejabat Putrajaya	31 Mei 2019	Bilik Latihan ICT, BHEUU
3	JBG Kedah	18 Jun 2019	JBG Kedah
4	JBG Melaka	20 Ogos 2019	JBG Melaka
5	JBG Sarawak	4 September 2019	JBG Sarawak
6	JBG Kelantan	3 Oktober 2019	JBG Kelantan

5. Aktiviti Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

- i. 30 Januari 2019 – Lawatan ke Perpustakaan Negara Malaysia



ii. Kuiz Teka Silang Kata



PROGRAM JBG SEPANJANG TAHUN 2019

PROGRAM NAZIRAN JBG

Sebanyak 2 siri naziran telah dijalankan pada tahun 2019. Objektif naziran ini dilaksanakan adalah bagi membuat rumusan terhadap pematuhan Jabatan dengan menentukan sama ada :

- i. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- ii. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, aset, stor dan pengendalian kes.
- iii. Pengurusan kewangan, pengurusan aset dan stor, pengurusan pentadbiran am dan keselamatan perlindungan dan pengurusan kes dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- iv. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan dikemaskini.
- v. Pengurusan kes mengikut standard dan piagam pelanggan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- vi. Pemantauan aktiviti dan tugas pegawai dan kakitangan.

Naziran yang telah dilaksanakan oleh ibu pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i. Naziran Ibu Pejabat ke JBG Johor pada 12 hingga 13 Februari 2019.
- ii. Naziran Ibu Pejabat ke JBG Pahang pada 25 hingga 27 September 2019.

PROGRAM PROMOSI JBG

Pada 15 Julai 2019, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mengeluarkan Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil. 3 Tahun 2019 berkaitan Garis Panduan Program Promosi dan Kesedaran Masyarakat JBG. Arahan ini dikeluarkan untuk menerangkan dan menyelaraskan pelaksanaan program promosi dan kesedaran masyarakat di Ibu Pejabat dan semua Negeri/Cawangan JBG seluruh Malaysia.




**Muka hadapan Garis Panduan Program Promosi
dan Kesedaran Masyarakat JBG**

**Isi Kandungan Garis Panduan Program Promosi
Dan Kesedaran Masyarakat JBG**

Bil.	Perkara	Halaman
1	Tujuan	1
2	Definisi	1
3	Objektif Program	2
4	Skop Program	2
5	Perancangan Program	3
6	Pelaksanaan Program	4
7	Peruntukan Kewangan	5
8	Laporan Program	5
9	Jawatankuasa Promosi	6
10	Tarikh Kuatkuasa	7


Sepanjang tahun 2019, sebanyak 247 program promosi dan kesedaran masyarakat JBG telah dijalankan di seluruh Malaysia yang merangkumi satu program kerjasama dengan agensi luar atau rakan strategik bagi setiap cawangan dan program literasi undang-undang, klinik bantuan guaman, ceramah/penerangan undang-undang di penjara/pusat tahanan kanak-kanak, pusat khidmat setempat dan media massa/radio.

Rajah 10 : Jumlah Kekerapan Program Promosi dan Kesedaran Masyarakat JBG Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019



Statistik di Rajah 10 menunjukkan jumlah program promosi dan kesedaran masyarakat JBG bagi tahun 2019. JBG Sabah telah mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 29 program, diikuti oleh JBG Johor iaitu sebanyak 17 dan JBG Pahang iaitu sebanyak 16 program.

Rajah 11 : Jumlah Kekerapan Program Promosi dan Kesedaran Masyarakat JBG Mengikut Kategori Program Bagi Tahun 2019



Statistik di Rajah 11 menunjukkan jumlah program promosi dan kesedaran masyarakat JBG tahun 2019 mengikut kategori program yang dijalankan. Kategori Literasi Undang-Undang mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 148 program (60%). Ceramah/Penerangan Undang-Undang mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 60 program (24%), manakala Penjara/Pusat Tahanan Kanak-kanak mencatatkan jumlah ketiga tertinggi iaitu 21 program (8%). Program Media Massa/Radio pula mencatatkan jumlah kedua terendah iaitu sebanyak 14 program (6%) dan Pusat Khidmat Setempat pula mencatatkan jumlah program terendah iaitu sebanyak 4 program (2%).

AKTIVITI BAHAGIAN SYARIAH, IBU PEJABAT JBG

1. Program Kursus Intensif Kehakiman anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi Pegawai Syariah Malaysia di Ma'ahad Al-'Aliy Lil Qada', Universiti Imam Mohammad Sa'ud, Arab Saudi pada 15 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah diwakili oleh Tuan Saharuddin bin Selamat, Pengarah Pengantaraan (Syariah) anjuran JKSM.



Peserta Kursus Intensif Kehakiman anjuran JKSM bagi Pegawai Syariah Malaysia di Ma'ahad Al-'Aliy Lil Qada', Universiti Imam Mohammad Sa'ud, Arab Saudi

PROGRAM PROMOSI DAN KESEDARAN MASYARAKAT JBG 2019

1. Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dalam Program Hari Terbuka Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 4 Julai 2019



Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat JBG

2. Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat JBG di Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Malaysia 2019 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) pada 3 Oktober 2019



Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat JBG di Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Malaysia 2019



Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat JBG di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Mahkamah Rendah Syariah Ampang

3. Program Literasi Undang-Undang Ibu Pejabat JBG di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Mahkamah Rendah Syariah Ampang



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada 24 September 2019



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 30 September 2019



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada 8 Oktober 2019



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Syariah WP Putrajaya pada 15 Oktober 2019



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada 24 Oktober 2019



Program Literasi Undang-Undang di Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada 26 November 2019

4. Program Literasi Undang-Undang di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 25 November 2019 sempena Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM Bilangan 4 Tahun 2019.



Program Literasi Undang-Undang di KPWKM pada 25 November 2019

5. Program Ceramah Literasi Undang-Undang berkaitan kes sivil dan syariah pada 26 November 2019 di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) sempena program Bacaan Yasin dan Wacana Ilmu Bilangan 11 Tahun 2019.



Program Ceramah Literasi Undang-Undang berkaitan Kes Sivil dan Syariah Pada 26 November 2019

6. Program Literasi Undang-Undang pada 30 November 2019 di Dewan Anuwar Mahmud, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sempena Wacana Kerjaya Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia anjuran Persatuan Pegawai Syariah Malaysia.



Program Literasi Undang-Undang pada 30 November 2019 di Dewan Anuwar Mahmud, UKM

7. Program Promosi dan Kesedaran Masyarakat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Negeri/Cawangan 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Kuala Lumpur di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 11 Januari 2019

Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Pulau Pinang di Mess Pegawai Kanan PDRM Jalan Lahat, Pulau Pinang pada 18 Februari 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Selangor di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat, Bangi pada 27 Februari 2019



Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Kelantan di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan pada 10 Mac 2019



Penceramah memberi penerangan mengenai undang-undang di bawah JBG sempena Sambutan Hari Wanita Tahun 2019, Peringkat Negeri Melaka



Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Melaka di Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Melaka pada 8 Mac 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Taiping di Mahkamah Rendah Syariah Gerik, Perak pada 25 April 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Sibu di Mahkamah Rendah Syariah Mukah, Sarawak pada 26 April 2019



Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Sibu di Pejabat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kuching, Sarawak pada 4 Ogos 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Perak di Kompleks Pentadbiran Agama Islam Daerah Teluk Intan pada 25 September 2019



Program Literasi Undang-Undang JBG Perlis di UTC Perlis pada 20 September 2019



Program Hari Ramah Mesra: Perkongsian Mengenai Prosedur dan Undang-Undang Perceraian Orang Islam dan Bukan Islam di JBG Selangor pada 9 Oktober 2019



Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Selangor di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 31 Oktober 2019



Program Ceramah/Penerangan Undang-Undang JBG Miri di JBG Miri pada 12 November 2019

8. Program Kunjung Hormat Ibu Pejabat JBG ke Agensi Luar



Kunjung Hormat JBG ke Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 25 Jun 2019



Kunjung Hormat JBG ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 6 Ogos 2019



Kunjung Hormat JBG ke Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pada 21 Ogos 2019



Kunjung Hormat JBG ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang (JKSP) pada 27 September 2019



Pembentangan Kertas Cadangan Kolaborasi Antara JBG dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di MAIM pada 8 Oktober 2019



Kunjung Hormat JBG ke Mahkamah Syariah Negeri Melaka (MSNM) pada 8 Oktober 2019



Kunjung Hormat Bahagian Syariah JBG ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Putrajaya pada 29 April 2019

9. Program Kolaborasi / Kerjasama Antara JBG dan Agensi Luar





Temuramah Ketua Pengarah JBG bersama wartawan daripada Unit Wanita dan Gaya Hidup Berita Harian di JBG pada 18 Disember 2019



Program Kolaborasi Strategik MAIWP-JBGWP dalam Pertandingan Horizon Baharu KIK) JPM 2019



Projek Kolaborasi Strategik MAIWP-JBGWP bagi Skim Bantuan Guaman Syarie Baitulmal telah diumumkan antara tiga terbaik bagi kategori hibrid di Anugerah Inovasi JPM 2019



Perbincangan berkaitan kolaborasi antara JBG dan UiTM dalam Program Kesedaran Perkhidmatan Guaman Secara Pro Bono di Kalangan Pelajar Undang-Undang di UiTM Shah Alam pada 18 September 2019



Program Lawatan Dekan Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM ke JBG pada 19 September 2019



Perbincangan kandungan Memorandum Kerjasama Dalam Program *Social Synergy* anjuran Perkeso di JBG pada 18 Oktober 2019



Program Lawatan Fakulti Undang-Undang, UiTM ke JBG pada 21 Oktober 2019



Program Lawatan Pelajar Perundangan Syariah, UNISZA ke JBG pada 15 April 2019



Sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Litigasi dan Nasihat (Syariah) dan Pengarah Pengantaraan (Syariah) dalam program Lawatan Pelajar Perundangan Syariah, UNISZA ke JBG pada 15 April 2019



Kunjung Hormat dan Perbincangan Kerjasama Antara Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) di JBG pada 21 November 2019



Mesyuarat Penyelaras Antara JBG dan MAIWP Bilangan 3 Tahun 2019 di JBG Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2019

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JBG

1 Kumpulan Fiat Justitia

Kumpulan Fiat Justitia telah menjuarai Pertandingan KIK Peringkat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah diadakan pada 10 April 2019 di Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur. Pertandingan ini telah disertai oleh sembilan kumpulan KIK dari agensi-agensi di bawah MAIWP.

Seterusnya, Kumpulan Fiat Justitia telah diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga kategori hibrid bagi Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Perdana Menteri 2019 yang telah diadakan pada 26 Ogos 2019 di Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM). Anugerah berkenaan telah disampaikan oleh YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di JPM sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Movenpick KLIA, Sepang pada 31 Oktober 2019.

Projek Kolaborasi Strategik MAIWP – JBG adalah melibatkan asnaf MAIWP yang akan menerima khidmat nasihat dan bantuan guaman syarie secara percuma yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan (JBGWP) dan kos guaman akan ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP.

Kumpulan Fiat Justitia dianggotai seramai 10 orang ahli terdiri daripada enam ahli daripada MAIWP dan empat ahli daripada Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Ketua kumpulan ini adalah Encik Muhammed Zaid bin Mohamed Azlan.

Projek ini telah dimeterai di antara kedua-dua belah pihak pada 20 Disember 2018. Ia memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu menghapuskan pelantikan peguam panel swasta MAIWP dengan digantikan dengan peguam JBG dan

membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai e-SBS (e- Sistem Bantuan Syarie).

Hasil projek ini dapat dilihat dari aspek penjimatan kos yang signifikan terhadap kos pelantikan peguam panel yang selama ini ditanggung oleh MAIWP dan memendekkan tempoh penyelesaian sesuatu kes. Selaras dengan itu, satu sistem e-SBS dibangunkan bagi mengawal selia projek ini.





Foto Kumpulan Fiat Justitia bagi Projek Kolaborasi Strategik MAIWP – JBG

2. Kumpulan L.A.S. IMPAX

L.A.S Impax merupakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang telah ditubuhkan bagi menggantikan kumpulan terdahulu yang dikenali dengan nama CRYSTAL. Sepanjang tahun 2019, L.A.S. Impax telah bermesyuarat sebanyak empat kali bagi membincangkan perantukan ahli baru, peranan ahli-ahli, aktiviti kumpulan serta perancangan projek KIK JBG.

Semasa Mesyuarat Kumpulan Bilangan 3 Tahun 2019 diadakan pada 18 November 2019, kumpulan telah melantik ahli baru iaitu Encik Saharuddin bin Selamat sebagai Ketua Kumpulan L.A.S. Impax serta Puan Marina binti Abdul Rahman dan Puan Siti Norlia binti Mohd Dom sebagai ahli KIK yang baru. Perantukan ini adalah bagi menggantikan ahli-ahli kumpulan yang telah bertukar keluar iaitu Encik Rosdi bin Hanapi yang merupakan ketua kumpulan terdahulu dan Encik Mohamad Razif bin Ariffin serta Puan Roshelawati binti Husain yang menarik diri disebabkan masalah kesihatan. Kini L.A.S. Impax dianggotai seramai sepuluh orang ahli yang mana dua darinya merupakan kakitangan JBG Selangor dan Kuala Lumpur manakala selebihnya adalah kakitangan JBG Ibu Pejabat.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa POL JBG yang telah diadakan pada 13 November 2019, Kumpulan L.A.S. Impax telah menerima kelulusan untuk mengadakan tiga siri Bengkel KIK bagi tahun 2020 dengan bajet sebanyak RM11,632.

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdi)

PENGURUSAN TERTINGGI



Puan Norliza binti Zulkifli
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)



YBhg. Dato' Anas bin Ahmad
Zakie
Ketua Pengarah Insolvensi



Encik Ahmad Zaini bin Zaba'ai
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)

PENGARAH BAHAGIAN/UNIT



Encik Wan Zainul Azamin bin
Khamid@Abd Majid
Pengaroh Insolvensi
Bahagian Kebankrapan



Encik Mohamed Faizal bin
Mohamed Fedder
Pengaroh Insolvensi
Bahagian Likuidasi



Encik Mohd Suhairy Zakaria
Pengaroh Insolvensi
Bahagian Kajian Dan
Penyelidikan Perundangan



Puan Suhaily binti Shamsudin
Pengarah Insolvensi
Bahagian Penyiasatan Dan
Penguatkuasaan



Puan Norina binti Zainol Abidin
Pengarah Insolvensi
Bahagian Mahkamah



Puan Zarita binti Dato' Zainol
Abidin
Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan



Encik Abu Syaiful Kyairi bin Abu
Hassan
Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat



Encik Mohd Khairil Izwan bin
Ahmad
Pengarah
Bahagian Perakaunan



Encik Zakariya bin Nayan
Ketua Unit Penilaian



Encik Farouk Shaffrizal
bin Othman
Pengarah Unit Integriti

PENGENALAN

Sebagaimana saranan Kerajaan agar Kementerian, Jabatan dan Agensi mewujudkan dan mendokumenkan pelan strategik jangka panjang, sederhana dan pendek, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah menyediakan Pelan Strategik Mdl 2016-2020 yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Hala Tuju Strategik 2010-2014 yang lalu.

Pelan strategik ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus Mdl bagi melaksanakan agenda pemodenan dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatannya untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2016 hingga 2020. Untuk memenuhi hasrat ini, Mdl membuat transformasi yang melibatkan pindaan visi, misi dan piagam pelanggan supaya lebih relevan dengan perubahan semasa dan dapat membawa pencapaian Mdl sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi serta bertaraf dunia.

Dalam Pelan Strategik Mdl 2016-2020, nilai teras iaitu Akauntabiliti, Integriti, Kerja Berpasukan, Inovatif dan Profesional. AIKIP merupakan singkatan bagi nilai teras tersebut. Pelan Strategik Mdl 2016-2020 memfokuskan kepada transformasi perkhidmatan Mdl supaya menjadi sebuah agensi terunggul dan bertaraf dunia dalam pengurusan insolvensi menjelang tahun 2020. Pelan Strategik Mdl 2016-2020 merupakan pelan petunjuk yang memacu komitmen pengurusan dan warga Mdl dalam menjadikan Mdl sebagai Jabatan Kerajaan yang dinamik dan cemerlang dalam tadbir urus Jabatan.

Pelan Strategik Mdl 2016-2020 ini secara tersusun mengandungi panduan bagi pengurusan dan warga Mdl untuk :

- i. Memetakan hala tuju yang jelas untuk masa depan Mdl.
- ii. Menyediakan satu kerangka tindakan yang terancang berasaskan pelaksanaan dan pemantauan yang sistematik.
- iii. Mengoptimumkan keberkesanan sistem dalam pengurusan dan pentadbiran insolvensi.

Pada tahun 2019, beberapa program utama yang berteraskan kepada Pelan Strategik Mdl 2016-2020 telah dilaksana antaranya mengukuhkan lagi Portal E-Insolvensi, penganjuran Program Mdl Prihatin di semua cawangan Mdl yang mempunyai kaedah pelaksanaan seperti taklimat kebangkrupan kepada agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Secara ringkasnya, pelaksanaan teras-teras strategik dibawah Pelan Strategik Mdl 2016-2020 yang ditambah baik pada tahun ini diyakini dapat memacu komitmen pengurusan dan warga Mdl ke arah mencapai matlamat untuk menjadi sebuah agensi terulung dan bertaraf dunia dalam pengurusan insolvensi menjelang 2020.

VISI

Untuk menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisien dan dinamik.

MISI

Menguruskan hal ehwal insolvensi dengan integriti, saksama dan profesional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimakan impak kegagalan pengurusan kewangan.

OBJEKTIF


- i. Memperkukuhkan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi.
- ii. Memperkukuhkan pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvensi.
- iii. Memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan Mdl.

PEREKAYASAAN BERTERUSAN PENTADBIRAN HAL EHWAL KEBANKRAPAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN


1. Pendaftaran kes kebangkrapan

Pada tahun 2019 sebanyak **20,724** Petisyen Pemiutang telah difailkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak **12,051** kes telah mendapat Perintah Kebankrapan.


Rajah 1: Jumlah Petisyen Pemiutang dan Perintah Kebankrapan Tahun 2019



Rajah 2 : Jumlah Perintah Kebankrapan Tahun 2019 Mengikut Cawangan



Rajah 3: Purata Petisyen Pemiutang dan Individu Bankrap Dalam Sehari Pada Tahun 2019



2. Kebankrapan mengikut sebab keberhutangan

Pada tahun 2019 peratus tertinggi mengikut sebab keberhutangan ialah bagi kategori pinjaman peribadi iaitu sebanyak 5,706 kes atau 47.35 peratus.

Jadual 1: Jumlah Kebankrapan Mengikut Sebab Kebankrapan Bagi Tahun 2019

Kategori Kebankrapan	Jumlah Kes	Peratus (%)
Pinjaman peribadi	5,706	47.35
Pinjaman perniagaan	1,846	15.32
Sewabeli kenderaan	1,543	12.80
Pinjaman perumahan	1,138	9.44
Hutang kad kredit	880	7.30
Keberhutangan yang lain	425	3.53
Hutang cukai pendapatan	261	2.17
Penjamin korporat	221	1.83
Biasiswa/pinjaman pelajaran	16	0.13
Penjamin sosial	15	0.12
JUMLAH	12,051	100.00

3. Bankrap mengikut kategori pekerjaan

Bagi tahun 2019, kes kebankrapan di kalangan lain-lain pekerjaan (tiada maklumat) mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 4,349 kes.

Jadual 2: Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan Bagi Tahun 2019

Jenis pekerjaan	Jumlah kes	Peratus (%)
Lain-lain pekerjaan (tiada maklumat)	4,349	36.09
Sektor swasta	3,728	30.94
Berniaga	1,893	15.71
Sektor awam	1,246	10.34
Bekerja sendiri	350	2.90
Profesional	329	2.73
Tidak bekerja	73	0.61
Pelajar	37	0.31
Pesara kerajaan	36	0.30
Ahli sukan	10	0.08
Sektor hiburan	0	0.00
JUMLAH	12,051	100

Catatan : Bagi jenis pekerjaan “Tiada Maklumat”, dokumen petisyen tidak mengandungi butiran pekerjaan bankrap

4. Kebankrapan berdasarkan umur

Berdasarkan rekod Mdl, peringkat umur paling ramai bankrap pada tahun 2019 adalah individu berumur diantara 35 sehingga 44 tahun iaitu seramai 4,574 orang.

Jadual 3: Bankrap Mengikut Peringkat Umur Bagi Tahun 2019

Kategori umur	Jumlah	Peratus (%)
Di bawah umur 25 tahun	54	0.45
25-34 tahun	2,603	21.60
35-44 tahun	4,574	37.96
45-54 tahun	3,087	25.62
55 tahun dan ke atas	1,707	14.16
Tiada maklumat	26	0.22
JUMLAH	12,051	100

Bagi golongan umur “Tiada Maklumat”, dokumen petisyen tidak mengandungi butiran usia bankrap (Pengenalan Polis /Tentera)

5. Kebankrapan Berdasarkan Jantina

